UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
eISSN : 3009 - 1039
EDISI KELIMA: JAN – MAC 2024

# WACANA

Buletin Akademik & Antarabangsa



## SMART CLASSROOM: UMK PERKASA FASILITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### MENARIK DI DALAM

eISSN 3009-1039


- Akademik
- Pengajaran dan Pembelajaran
- Kerjasama Akademik
- Mobiliti dan Antarabangsa
- Pelajar
- Aktiviti


OfficialUMK umk.edu.my
ENTREPRENEURSHIP is our thrust
Kita #BinaLegasiUMK Bersama
#WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

## SIDANG EDITORIAL

**Penasihat**
Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad

**Ketua Editor**
Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias

**Editor**
Mohd Zulfadli Mat Husin
Puteri Nurainul Bismi Jondi
Fatin 'Afina Ramzi
Muhamad Azrul Amri Mohd Yunus

**Bacaan Pruf**
Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri

**HAK CIPTA**
Penerbitan Korporat UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web, Pusat Komunikasi Korporat, UMK.

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat, UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim
Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

Disediakan oleh:
Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Bachok, Kelantan

www.hea.umk.edu.my
dcvai@umk.edu.my
Pejabat TNCAA UMK

## KANDUNGAN

**Kata Alu-Aluan** iv

**Dari Meja Ketua Editor** v

**UTAMA**
- Majlis Pelancaran Smart Classroom Universiti Malaysia Kelantan 7
- RENPER Pushing On Charting Further Paths Towards Poverty Eradication Across The Region 10
- RENPER Menyusuri Jejak Warisan Budaya dan Sosio Ekonomi Kelantan 14
- RENPER International Lecture Series 18

**AKADEMIK**
- Pendaftaran Pelajar Baharu Semester Februari 2023/2024 21
- Bengkel Sesi Latihan Penggunaan Modul Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu (Admission) Menerusi Sistem Capsule UMK 22
- Majlis Anugerah Dekan dan Hari Terbuka Pusat Pendidikan Luar UMK 22
- Promosi Peluang Pendidikan kepada Pelajar Matrikulasi 23
- Peperiksaan Akhir Semester September Sesi 2023/2024 24

**PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**
- Taklimat Penentuan Program Akademik Bersifat TVET 26
- Webinar Anugerah Khas Yb Menteri Pendidikan Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI) 27
- Majlis Apresiasi Peserta 2nd National Conference On Sulam, 8th Inspirational Scholar Symposium & Sulam Innovate 2023 28
- Bengkel Pembangunan Self Instructional Materials (SIM) Open Distance Learning (ODL) 30
- Bengkel Pemantapan Self Instructional Materials (SIM) Bagi Penghasilan Kursus Open Distance Learning (ODL) UMK 31
- Webinar Pengukuhan Pengisian Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dan Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan (JSU-B) 32
- Forum Pembudayaan Amalan Baik SULAM@UMK 33
- Webinar AI In Teaching & Learning: Students' Engagement 34
- Bengkel Penerangan Platform Blended Learning Oleh Pihak Pustaka Prinsip 35
- Program Bengkel Penyediaan Dokumentasi Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) 35
- Technoinnovation Expo 2024 (TIE2024) 36
- SULAM – Teknologi Pembuatan Perabot 37
- Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) UMK 39
- Internal External Assessment Day (INEX) 39
- Program Penilaian Internal And External Assessment Day (INEX DAY) Semester September 2023/2024 Program SGD 40
- Sesi Latihan Penggunaan Smart Classroom UMK 43
- Lawatan Penanda Aras Aktiviti Pembelajaran (CITRA UKM Ke PKPA UMK 44

**KERJASAMA AKADEMIK**

- MOU Signing Ceremony And Collaboration Discussion Between Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and Rajamangala University Of Technology Sriwijaya (RUTS), Thailand 46
- EMGS Townhall Session With Malaysian Higher Education Institutions 2024 47
- A Visit From The University Of Horticultural Sciences, India 47
- MOU Signing Ceremony And Collaboration Discussion Between Termez State Pedagogical Institute, Uzbekistan And Universiti Malaysia Kelantan 48
- Seminar Literasi Tenaga 49
- Bengkel Semakan Fail Kursus Dan Fail Program Bersama Pemeriksa Luar Jabatan Senibina Dalaman Semester Sesi 2022, 2023 50
- Bengkel Pemurnian Ringkasan Tugasan Dan Projek Kursus Bersama Pemeriksa Luar Jabatan Senibina Dalaman Semester Februari 2023/2024 51
- Wacana Tuan Guru Nik Aziz (TGNA) Sebagai Tokoh Keamanan 52
- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahamam (MOU) Di Antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Termez State Pedagogical Institute 52
- Bengkel Pembangunan Modul 51
- Diskusi Santai Topik Terpilih (Gerakan Tasawuf Dan Impaknya Kepada Masyarakat) 53
- Syarahan Perdana Keamanan: Masa Depan Gaza Dan Umat Islam Di Palestin 54
- Discussion Between Umk International And Hebei Geo University 55
- A Visit Of Maycham (Malaysia-Kunming) 56
- UMK International & Alzette University: Building Bridges For Global Education 56
- Discussion Between Umk International And MOTEC: Enhancing Edu-tourism And Student Mobility Initiatives 57
- Follow-up Discussion Between Universiti Malaysia Kelantan (UMK) And Victoria Property Management 57
- RSREC Interns: Bridging Cultures And Fostering Academic Bonds 58
- Kunjungan Hormat UMK Ke Yayasan Sarawak 58
- Simposium Siswazah (SSiU2024) 59
- Perbincangan Kolaborasi Bersama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) 59

60

**MOBILITI DAN ANTARABANGSA**

- FIAT-UHS International Inbound Credit Mobility Program 62
- 32ND Indonesia International Education Training Expo and Conference 2024 62
- UMK Engages At Asean (Malaysia) - China Higher Education Forum: Strengthening Bonds, Exploring Futures 63
- Dialogue Session And Educational Visit From The India-malaysia Youth Exchange Programme 64
- Cross-cultural Learning Initiative Series (1/2024) 65
- Lawatan Pelajar Mobiliti Dari Universitas Mercu Buana (UMB) 66
- UMK International Students Affairs Meeting 67
- FBKT Students At Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam University (SPMVV), India 67
- Perbincangan Program Mobiliti Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersama sekolah tinggi ilmu ekonomi (STIE) Indonesia 68
- The Regional English Language Officer (RELO) From The United States Embassy Bangkok 68
- Bengkel Pemilihan Program UKM Jakarta Bersama Rakan Strategik 68
- Bengkel Panduan Penilaian APEL A 87
- Engagement Synergy Session Between Universiti Malaysia Kelantan & International Council For Small Business (ICSB) 69
- Kunjungan Dari International Language Academy, Fatoni University 70

**KEUSAHAWANAN**

- Program Glamour Glow Spa & Beauty Week 72
- Let's Cantik Raya 72
- Karnival Jom Cantik Dan Sihat 2024 73
- Sesi Pitching Program University-community Social Enterprise (UCSE) Dan University Social Enterprise Competition (USEC) 75

**AKTIVITI**

- Pemantapan Gerak Kerja Hala Tuju Kecemerlangan Akademik Universiti Malaysia Kelantan 77
- Sisih Dan Sapu, Permulaan 2024 Bagi Budaya Eksa Staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) 82
- Budaya Hidup Sihat Warga Pej. Tncaa Bagi Tahun 2024 83
- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Semarakkan Ramadan, Raih Ketakwaan 84
- Sesi Mesyuarat Atas Talian Bersama Politeknik Shah Alam 86
- Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Poster Solidariti Untuk Palestin Kursus Rekaan Weblog 86
- Majlis Anugerah Dekan & Hari Terbuka Pusat Pendidikan Luar UMK 87
- Mesyuarat Pengurusan Pusat Pendidikan Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE) Bilangan 1/2024 87
- Pemerkasaan Pemimpin Di Malaysia: Kuasa Berbicara Dalam Menginspirasi Keaslian Dan Kemajuan 88
- Program Premium Preview PHD & Masters Of Universiti Malaysia Kelantan 89
- Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang 90
- Lawatan Tapak Ke Bangunan SUK Negeri Kelantan 90
- Program Bengkel Basic Toturial For Using Digital Sofware- SketchesUP 91
- Program Bengkel Basic Toturial For Using Digital Sofware- Autocad 92
- Program Lawatan Penilaian Latihan Industri Semester September 2023/2024 Program SGD 93
- Program Bengkel Basic Tutorial For Using Digital Software - Adobe Photoshop 94
- Program Penilaian Program SULAM Studio Semester 3 September 2023/2024 Program SGD 95
- Penerima Anugerah Pembentang Terbaik Di 1st International Postgraduate Conference Of Heritage Conservation And Sustainable Management 2024 (IPCHCSM2024) 97
- UMK Bantu Terapi Kanak-kanak Autisme 98
- Kajian Tapak Bagi Pelajar Tahun 2 Ke Jalan Gunong, Bachok , Kelantan 99
- Pembentangan Projek Pelajar Tahun 1 - Micro-architecture In Campus Realm 100
- Aktiviti SULAM Bersama NGO Bachok 101
- Kuliah Bersemuka Pelajar Sarjana Komunikasi Perniagaan Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan 102
- Resensi Buku 103
- Sesi Ramah Mesra Prof. Adung Ybhg. Datuk Sayuti Mukhtar Bersama Pelajar FBI 104

- Kunjungan Lalor Vitya School, Pattani 105
- Kunjungan Citra Universiti Kebangsaan Malaysia Ke FBI UMK 106
- Engage And Influence: Language For Self-motivation & Impactful Communication 107
- Lawatan Ke Agensi-agensi Pendidikan, Pelancongan Dan Industri Di Terengganu 108
- Perjumpaan Unit Promosi ITBM Bersama Dekan-dekan Fakulti UMK 109

**PENGHARGAAN**

# Kata Alu-Aluan

Assalamualaikum wbt

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Alhamdulillah, saya lafazkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadarat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan dengan keizinanNya maka buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi terbaru telah berjaya dihasilkan.

WACANA Edisi kelima ini memberikan gambaran komprehensif tentang berbagai kegiatan dan prestasi yang telah kita capai selama tiga bulan bermula Januari hingga Mac 2024. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diberikan kepada sidang pengarang kerana berjaya menerbitkan WACANA yang dijadualkan secara berkala pada setiap suku tahunan.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu di dalam memberikan maklumat bagi memastikan penyediaan WACANA dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya berharap penerbitan WACANA akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengenali dan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pejabat TNCAA. Marilah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar terus diberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.



**DATO' PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

# Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum wbt

Alhamdulillah dengan limpah kurniaan dari-Nya, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP) telah berjaya menerbitkan buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi keempat bagi bulan Oktober sehingga Disember 2023.

WACANA yang julung kali diterbitkan pada tahun 2023 ini telah memasuki edisi kelima. Segala aktiviti PTj berkaitan akademik dan antarabangsa berjaya diselitkan di dalam buletin suku tahunan ini.

Sidang editorial WACANA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu dalam memberikan maklumat bagi memastikan WACANA dapat diterbitkan dengan jayanya.

Harapan kami supaya WACANA akan menjadi wadah perkongsian antara semua PTj akademik di bawah portfolio TNC (A&A) untuk terus bekerjasama memartabatkan kecemerlangan akademik dan antarabangsa UMK.

Selamat membaca.

**MOHD BADRUL HISYAM BIN MUHAMAD ALIAS**
Timbalan Pendaftar
Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

# UTAMA

# UMK TAMBAH BAIK FASILITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DENGAN PELANCARAN SMART CLASSROOM

## MAJLIS PELANCARAN SMART CLASSROOM UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Pelancaran Smart Classroom yang dilengkapi dengan Teknologi Industri 4.0 (IR4.0) dan sistem kecerdasan buatan (AI) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memulakan langkah penting dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Dengan fasiliti ini, UMK dapat membuka lebih banyak peluang untuk Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) secara dalam talian, sejajar dengan arahan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 -2025.

Naib Canselor UMK, Prof. Dato’ Dr. Razli Che Razak, menekankan bahawa Smart Classroom ini tidak hanya bertujuan untuk menyokong pembelajaran dalam talian, tetapi juga untuk membolehkan pendekatan hibrid dan jadual fleksibel seperti HyFlex. Model ini membolehkan pelajar untuk menghadiri kuliah di universiti pada tahun pengajian tertentu sahaja, memberi mereka fleksibiliti yang diperlukan untuk menguruskan aktiviti seharian yang lain.








Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, menekankan bahawa fasiliti Smart Classroom ini adalah satu pendekatan pedagogi alternatif utama di UMK. Ia tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran, tetapi juga untuk menyokong pendekatan hibrid dan fleksibel dalam pengajaran, sesuai dengan panduan KPT dan arahan untuk program seperti 2H2U.

Peralatan canggih yang terdapat dalam Smart Classroom ini memberi kemudahan kepada pelajar dan pensyarah untuk mengakses teknologi moden seperti sidang video dan penstriman langsung, yang penting terutamanya bagi pengguna kursus dalam talian seperti Massive Open Online Courses (MOOC), kursus Microcredential (MC) dan Open Distance Learning (ODL).














Maka, dengan pelaksanaan Smart Classroom di semua kampus UMK iaitu Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli serta dengan penggunaan 280 unit perabot pintar, UMK berazam untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang terbaik bagi pelajar mereka dengan memanfaatkan teknologi terkini. Majlis Pelancaran Smart Classroom Universiti Malaysia Kelantan telah selesai diadakan pada 3 Mac 2024. Sesi latihan penggunaan Smart Classroom di UMK akan diadakan untuk memastikan semua pihak bertanggungjawab dapat menguasai sepenuhnya fasiliti yang baru disediakan.

# RENPER PUSHING ON CHARTING FURTHER PATHS TOWARDS POVERTY ERADICATION ACROSS THE REGION

UMK Bachok, 21 February 2024- In a pivotal gathering aimed at tackling poverty at its roots, several higher education leaders, experts and representatives convened at the Regional Network on Poverty Eradication (RENPER) Bi-annual council meeting and round table discussion at UMK Bachok. With a resolute focus on empowering communities and fostering inclusive growth, participants engaged in substantive discussions and strategic planning to drive impactful change within RENPER scopes. The meeting was chaired by President of RENPER, Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, who also the Deputy Vice Chancellor (Academic and International) of UMK along with Deputy President of RENPER, Assistant Prof. Dr. Montira Leelakriangsak, Vice President for Academic Affairs, Prince of Songkla University, Thailand and Assoc. Prof. Dr. Ha Thi Thieu Dao, the Vice Rector, Banking University of Ho Chi Minh City, Vietnam.



Prof. Dato' Dr. Nik Maheran said, "Stimulating on the need of continuous effort toward economic empowerment featured prominently on the meeting agenda, members of RENPERs had agreed on further contributing on academic publications such as books and journals as well as organizing congress on poverty eradication."






Among notable members of RENPER that attended the meeting were Emeritus Professor. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar, RENPER Founding President, Prof. Tita Evasco Branzuela, Vice President of Linkages and International Affairs, San Beda University, Prof. Dr. Visweswara Rao , Associate Dean, School of Applied Sciences, and Director for International Relations and Research Collaborations, Reva University, India, Associate Prof. Dr. Zumilah Binti Zainalaludin , Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Aweng a/l Eh Rak, Director of UMK Jeli Campus and Associate Prof. Dr. Zulhazman Hamzah, Dean of Faculty Earth Science, UMK Jeli Campus. In addition to that, this meeting was held online with participants from Bengkulu University, Indonesia, National University of Battambang, Cambodia and Sri Venkateswara University, India.





Prof Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Che Omar, Founding President of RENPER further said that "Calls for enhanced coordination among government agencies, civil society organizations and the private sector resonated throughout the discussions, with an emphasis on leveraging collective expertise and resources to maximize Impact toward poverty eradication".





As the curtains drew on this Bi-annual council meeting, stakeholders expressed a shared sense of purpose and determination to advance the agenda of poverty eradication. Armed with a roadmap for action and a commitment to solidarity, RENPER stands poised to drive tangible progress in alleviating poverty and fostering sustainable development across the region.

During the meeting, RENPER member had also voted the new committee members for the year 2024 – 2026 with the new appointed President of RENPER is Asst. Prof. Dr. Montira Leelakriangsak from Prince of Songkla University, Thailand and Dr. Retno Agustina Ekaputri from University of Bengkulu will serve as Deputy President of RENPER. In addition to that, Assistant Prof. Dr. Aruneewan Buaniaww from Prince of Songkhla University was voted as the Treasurer for RENPER.








UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN







# RENPER MENYUSURI JEJAK WARISAN BUDAYA DAN SOSIO EKONOMI KELANTAN

Kota Bharu, 22 Februari 2024 : Lebih 15 orang peserta RENPER termasuk wakil daripada universiti Vietnam dan Filipina telah menyertai jejak warisan di sekitar daerah Kota Bharu dan Tumpat. Diketuai oleh Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar, pensyarah kanan FTKW dan ketua unit INSPEK UMK, para peserta jejak warisan ini telah meneroka pelbagai tapak yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya setempat serta merasai pengalaman bersama produk keusahawanan sosial UMK.













Lokasi pertama yang dilawati adalah Rumah Tiang 12 yang bertempat di Kampung Dusun Muda, Kota Bharu. Rumah tersebut yang dinamakan sebagai Sri Getam Guri telah disiapkan kembali dan dikekalkan keaslian oleh Encik Johan Ariff Ismail. Rumah Tiang 12 itu adalah jenis Rumah Ibu yang antaranya mempunyai komponen seperti pemeleh, serambi basah, tebar layar, dinding janda berhias dan motif ukiran flora Alam Melayu, pintu gerbang dan atap bata singgora. En Johan menerangkan "Rumah Tiang 12 ini antara seni bina Melayu Kelantan yang pupus, dan membangunkannya semula adalah satu perjuangan kerana dahulu kala selain dijadikan tempat berlindung, rumah adalah symbol kepada perkembangan ketamadunan masyarakat ketika itu,". Antara tarikan utama Rumah Tiang 12 ini adalah kayu cengal yang digunakan sebagai kayu utama bagi pembuatan rumah tersebut dan kajian mendapati usia kayu bagi rumah tersebut adalah melebihi seratus tahun.








Seterusnya, para peserta Jejak Warisan telah berkunjung ke Laman Warisan Kampung Laut yang mula dibina pada tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada tahun 2022. Tarikan utama disini adalah keunikan Masjid Kampung Laut. Masjid ini dianggarkan berusia lebih 400 tahun. Para peserta dapat mendalami sejarah Masjid Kampung Laut serta menyusuri proses perpindahan tapak Masjid Kampung Laut sebelum ini.

Selain itu, bersebelahan dengan Masjid Kampung Laut ini, terdapat laman warisan seni dan warisan serunding. Laman Warisan Serunding menempatkan sembilan usahawan serunding di 11 lot kedai dan Laman Warisan Seni yang menempatkan 12 usahawan seni tradisional seperti wau, batik serta kraftangan. Para peserta dapat mencuba dan membeli belah makanan tradisional seperti gelembung buaya, dodol dan serunding daging. Tambahan lagi, terdapat pengusaha serunding daging yang merupakan hasil produk keusahawanan sosial UMK iaitu syarikat Suzara.

Menerusi lawatan ini, para peserta dapat menghargai keunikan dan kekayaan warisan tradisional yang dimiliki oleh rakyat Kelantans serta usaha-usaha yang telah dilakukan untuk mengekalkan warisan tersebut. Selain itu, hasil PKS telah membuktikan usaha bantuan daripada pelbagai pihak termasuk UMK dalam membantu masyarakat setempat meningkat ekonomi setempat seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.










Kak Yah Budu Paye
Kak Yah
BUDU PAYE
011-1063 7380
ADA JUAL DI SINI !!!


UNIVERSITI
MALAYSIA KELAN











# RENPER INTERNATIONAL LECTURE SERIES

RENPER International Lecture Series merupakan platform yang dilihat sebagai medium perkongsian pandangan, strategi, dan amalan terbaik dalam menangani kemiskinan pada skala serantau dan antarabangsa dengan memperluaskan perspektif dan meningkatkan kefahaman tentang isu berkaitan kemiskinan di antara rantau yang berbeza.

Sesi ini disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Pasupuleti Visweswara Rao, Pengarah Pusat Hubungan Antarabangsa dan Kerjasama Penyelidikan, Universiti REVA, Bangalore India dan sesi ini berlangsung secara fizikal di Auditorium Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok pada 21 Februari 2024.












Para peserta dihidangkan dengan realiti kemiskinan India dengan kupasan mengenai penilaian tahap kemiskinan dalam sesebuah negara melibatkan pengukuran pelbagai indikator dalam mewujudkan rangka kerja untuk menentukan dan mengukur kemiskinan.

Dengan adanya sesi ini juga, perkongsian daripada Dr. Retno A. Ekaputri, Rektor Universitas Bengkulu Indonesia mengenai kajian pengalaman, hasil, dan cabaran yang dihadapi oleh graduan ketika mereka beralih dari institusi pengajian tinggi ke alam pekerjaan. Kajian ini bertujuan untuk mengesan laluan kerjaya graduan dalam tempoh tertentu.

Pengumpulan data mengenai status pekerjaan, kepuasan kerja, tahap gaji, usaha pendidikan lanjutan, dan faktor-faktor lain yang relevan. Kajian ini memberikan pandangan emas mengenai keberkesanan program pendidikan tinggi dalam mempersiapkan pelajar untuk ke fasa seterusnya.





# AKADEMIK

# PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SEMESTER FEBRUARI 2023/2024

Pendaftaran secara atas talian telah bermula seawal 8.00 pagi sehingga 4.30 petang dan kesemua pelajar mula melengkapkan pendaftaran universiti secara dalam talian bermula 22 Januari 2024 sehingga 17 Mac 2024. Sesi Taklimat Minggu Mesra Mahasiswa (3M) Sesi Kemasukan Semester Februari Sesi 2023/2024 telah diadakan oleh pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada hari yang sama jam 11.00 pagi secara dalam talian bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai UMK.




Seramai 73 orang pelajar baharu Semester Februari 2023/2024 yang mendaftar secara dalam talian pada 17 Mac 2024 melibatkan pelajar di Kampus Utama Bachok, Kampus Kota dan Jeli. Pihak Universiti telah meluluskan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara hibrid dan dalam talian bagi minggu pertama hingga minggu ketiga dan pelajar akan hadir secara fizikal pada 14 April 2024 ke UMK.

## KEMASUKAN PELAJAR SEM FEB 2023/2024 MENGIKUT KATEGORI




## PERATUS JANTINA & KAUM DAFTAR KEMASUKAN FEB 2023/2024



## BENGKEL SESI LATIHAN PENGGUNAAN MODUL PENDAFTARAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU (ADMISSION) MENERUSI SISTEM CAPSULE UMK

Bengkel Sesi Latihan Penggunaan Modul Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu (Admission) Menerusi Sistem Capsule UMK yang telah berlangsung pada 15 Februari 2024 dan bertempat di Bilik Mesyuarat UMKCEE. Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada Staff UMKCEE untuk yang terlibat dalam pendaftaran pelajar, pengurusan rekod pelajar dan pengurusan pendaftaran subjek menggunakan sistem Capsule UMK. Bengkel ini disampaikan oleh Encik Mohd Ihsan Bazli bin Abdullah dan Puan Nur Najaa bt Mohd Sabri, turut di bantu oleh Encik Muhamad Harith bin Ahmad Tajudin.






## MAJLIS ANUGERAH DEKAN & HARI TERBUKA PUSAT PENDIDIKAN LUAR UMK



Program Bengkel Sesi Latihan Penggunaan Modul Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu (Admission) Menerusi Sistem Capsule UMK kepada Pelajar Tingkatan 6 SMU(A) Maahad Ya'kubiyyah berkenaan peluang melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian bahasa dan komunikasi perniagaan daripada wakil Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI). Program ini telah berlangsung di SMUA Maahad Ya'kubiyyah pada 25 Februari 2024.

Turut diperkenalkan program terbaru daripada FBI ialah Program Sarjana Muda Pengurusan Komuniti dengan Keusahawanan Sosial (Kepujian). UMKCEE turut dijemput untuk perkongsian peluang pengajian secara Separuh Masa dalam bidang berkenaan.

PPA



# PROMOSI PELUANG PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR MATRIKULASI




Kolej Matrikulasi Pahang, Kuantan, 27 Januari 2024 – Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) meneruskan siri promosi pendidikan Karnival Pendidikan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Siri promosi Kolej Matrikulasi pada kali ini bertempat di Kolej Matrikulasi Pahang, Paya Besar, Kuantan, Pahang Darul Makmur pada 27 Januari 2024.

Program promosi ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar matrikulasi berkenaan peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke universiti awam dan swasta di Malaysia. Penyertaan daripada kesemua universiti awam dan beberapa universiti swasta seperti UTP dan UNITEN. Program promosi ini turut dimeriahkan dengan program pemeriksaan kesihatan, derma darah, food truck dan siri taklimat daripada wakil-wakil universiti.



En Syahrul Hanif bin Zulkefli, Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan Akademik Pejabat TNCAA berkata “UMK menerusi PPA sentiasa komited dalam menjalankan program promosi kepada pelajar matrikulasi berdasarkan kepada peratusan ambilan pelajar lepasan matrikulasi yang tinggi dalam kemasukan ke program pengajian di UMK. Pelajar lepasan matrikulasi menunjukkan minat yang sangat menggalakkan bukan sahaja kepada program pengajian sains tetapi juga sains sosial seperti program pengajian di FKP dan FTKW.”














# PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SEPTEMBER SESI 2023/2024

Peperiksaan akhir ini melibatkan pelajar Prasiswazah UMK daripada Kampus Kota, UMK Bachok dan Kampus Jeli bermula 28 Januari 2024 sehingga 13 Februari 2024. 288 kursus telah terlibat dengan Peperiksaan Akhir bagi Semester September Sesi 2023/2024 .

Pada semester ini, sebanyak 252 kursus peperiksaan akhir telah berjalan secara fizikal manakala 36 kursus berjalan secara dalam talian menggunakan platform/aplikasi yang telah ditetapkan oleh pihak UMK.

Pelajar dapat menduduki peperiksaan akhir secara fizikal dengan baik melalui ruang-ruang peperiksaan yang tersedia mengikut kampus masing-masing. Pengawas Peperiksaan dan Pembantu Pengawas Peperiksaan bagi peperiksaan secara fizikal turut memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan peperiksaan akhir bermula dari awal sesi peperiksaan sehingga peperiksaan selesai.



# PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

# TAKLIMAT PENENTUAN PROGRAM AKADEMIK BERSIFAT TVET

Taklimat Penentuan Program Akademik Bersifat TVET di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang disampaikan oleh YBrs. Ts. Dr. Ikarastika Rahayu Binti Abdul Wahab, Timbalan Pengarah (Bahagian Inovasi Pengajaran & Pembelajaran dan Kepimpinan Akademik), Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik adalah bagi membantu Malaysia Research Institute for Vocational Education and Training (MyRIVET) dalam memperkasakan elemen TVET dalam institusi pendidikan tinggi sekaligus mendukung keperluan industri dan mendorong pembangunan ekonomi negara.

Bagi mengenalpasti permintaan industri, fakulti di UMK diminta untuk mengisi Instrumen Penentuan Program Akademik. Ia mengandungi maklumat terperinci tentang program-program yang ditawarkan oleh UMK termasuk struktur kurikulum, subjek yang diajar, serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan dalam proses PdP semasa. Taklimat ini telah berlangsung pada 3 Januari 2024 secara dalam talian.









# WEBINAR ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI: REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI)

Webinar Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) yang diadakan pada 15 Januari 2024 adalah bertujuan untuk menyediakan ruang bagi para peserta mendalami pendekatan-pendekatan inovatif dalam reka bentuk kurikulum termasuk pemahaman mengenai strategi yang relevan dengan trend pendidikan global dalam memenuhi keperluan dan cabaran masa kini.

Berbekalkan pengalaman Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee sebagai pemenang AKRI sebelum ini, webinar ini mendiskusi pelbagai pendekatan inovatif dalam merancang kurikulum pendidikan tinggi dan bagaimana ianya dapat meningkatkan pengalaman siswazah dan kerelevanan kurikulum dengan keperluan industri dan masyarakat.

Sehubungan itu, diharapkan dengan penganjuran webinar ini, peserta dapat dipersiapkan dengan pengetahuan dan keterampilan yang diperlukan untuk mengembangkan kurikulum yang inovatif dan responsif terhadap keperluan dan cabaran pendidikan tinggi saat ini.








# MAJLIS APRESIASI PESERTA 2ND NATIONAL CONFERENCE ON SULAM, 8TH INSPIRATIONAL SCHOLAR SYMPOSIUM & SULAM INNOVATE 2023




Mesyuarat penyelaras SULAM Fakulti diadakan dengan tujuan memberi penerangan kepada semua penyelaras SULAM mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai penyelaras SULAM di peringkat fakulti. Manakala majlis apresiasi yang diadakan khusus kepada peserta pertandingan SULAM sepanjang tahun 2023 adalah untuk meraikan dan memberi pengiktirafan kepada pelajar dan pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan projek SULAM. Majlis ini dilihat berupaya menjadi platform kepada pensyarah dan pelajar untuk sama-sama berganding bahu bagi melakukan lonjakan dan transformasi projek SULAM yang diadakan selari dengan dasar dan aspirasi KPT.








Sehubungan dengan itu, pada 23 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Aras 3, Bangunan Canselori, UMK Bachok, PKPA telah menganjurkan majlis apresiasi berkenaan yang disertai oleh hampir 20 orang peserta dan semua peserta telah menerima sijil penghargaan daripada YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Seramai sepuluh orang Penyelaras SULAM Fakulti juga turut menerima Sijil Watikah Pelantikan SULAM peringkat Fakulti.

Majlis ini dilihat sebagai satu medium yang amat baik bagi membantu fakulti dalam melonjakkan lagi program SULAM dengan menambah bilangan kursus SULAM di semua fakulti. Pemenang pertandingan SULAM juga memberikan maklum balas yang positif dan berharap agar lebih banyak lagi projek SULAM yang berimpak besar dapat direalisasikan pada masa akan datang.

Pada akhir majlis ini, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad turut menyampaikan amanat dan harapan agar fakulti dapat meningkatkan bilangan kursus SULAM kerana melalui projek SULAM yang dilaksanakan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada komuniti, agensi dan industri.



# BENGKEL PEMBANGUNAN SELF INSTRUCTIONAL MATERIALS (SIM) OPEN DISTANCE LEARNING (ODL)





Bengkel Pembangunan Self Instructional Materials (SIM) Open Distance Learning (ODL) telah diadakan secara fizikal pada 31 Januari dan 1 Februari 2024 yang bertujuan memberi bimbingan penjajaran konstruktif dengan bahan-bahan SIM, penyusunan dan penyediaan bahan SIM, penyediaan aktiviti SIM, serta penyediaan pentaksiran SIM. Sesi bimbingan ini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Ahmad Zaki bin Aminuddin, Ketua Unit Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, PKPA.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Pembangun SIM dari tiga fakulti terlibat iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) serta Malaysian Graduate School of Entrepreneurship And Business (MGSEB).

Turut hadir ke Bengkel SIM Siri 1 ini adalah Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri, Pengarah PKPA, Ts. Dr. Ikarastika Rahayu binti Abdul Wahab, Timbalan Pengarah (Bahagian Inovasi Pengajaran & Pembelajaran dan Kepimpinan Akademik).

Manakala, wakil dari Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Noorul Azwin binti Md Nasir, Timbalan Pengarah PPQ dan YBrs. Dr. Nor Hafiza binti Othman, Ketua Bahagian Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL). Semoga dengan adanya Bengkel Pembangunan SIM ini dapat membantu pihak fakulti dalam penyediaan pembelajaran terbuka dan jarak jauh.



# BENGKEL PEMANTAPAN SELF INSTRUCTIONAL MATERIALS (SIM) BAGI PENGHASILAN KURSUS OPEN DISTANCE LEARNING (ODL) UMK




Seramai 30 orang peserta terdiri daripada pembangun 13 kursus meliputi Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB), barisan fasilitator daripada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) dan Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) telah hadir ke bengkel tersebut.

Pada 13 dan 14 Mac 2024, turut hadir adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Bin Masri, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Muhamad Saufi bin Che Rusuli, Pengarah Pusat Antarabangsa UMK dan YBrs. Dr. Hasnita binti Che Harun, Pusat Pengurusan Kualiti Universiti.



Sesi Bengkel Pemantapan Self Instructional Materials (SIM) bagi penghasilan Kursus Open Distance Learning (ODL) Universiti Malaysia Kelantan ini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin, Ketua Unit Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PKPA).

Semoga pembangunan SIM ODL UMK berjalan lancar dengan mengikut standard SIM yang ditetapkan dan memenuhi keperluan COPPA:ODL untuk penawaran.





# WEBINAR PENGUKUHAN PENGISIAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU) DAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN BERTERUSAN (JSU-B)

Webinar ini diadakan untuk mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman berkenaan Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan (JSU-B). Selain itu ia adalah satu inisiatif yang dibuat oleh PKPA bagi memberi pendedahan kepada pensyarah tentang kepentingan penggunaan JSU dalam pembinaan item soalan agar pensyarah lebih mahir membangunkan Jadual Spesifikasi Ujian bagi setiap penilaian yang akan dibina.







Webinar yang berlangsung berlangsung pada 17 Mac 2024 selama dua jam bermula 10.00 pagi ini disampaikan oleh YBrs. Encik Razlan Adli Zain, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Terengganu. Hampir 90 orang staf akademik dari ketiga-tiga kampus UMK mengikuti sesi webinar tersebut menerusi aplikasi ZOOM, siaran langsung Facebook Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan YouTube eCampus.

Diharapkan dengan webinar JSU dan JSU-B ini, para staf akademik UMK dapat mengamalkan proses penilaian pentaksiran berterusan berpandukan JSU untuk menghasilkan set soalan yang lebih berkualiti.



# FORUM PEMBUDAYAAN AMALAN BAIK SULAM@UMK






Forum yang disampaikan oleh dua staf akademik UMK yang juga merupakan penyelaras SULAM fakulti dan pemenang bagi SULAM Innovate 2023 (Service Learning Malaysia - University for Society-Ideation, Invention and Innovation Challenge), YBrs. Dr Luqman bin Abu Bakar dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan YBrs. YM Raja Norliana binti Raja Omar dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dalam merancang dan melaksanakan program SULAM.

SULAM merupakan singkatan bagi “Service Learning Malaysia-University for Society” adalah pendekatan inovatif untuk membawa pelajar pendidikan tinggi ke arah masyarakat dan membantu meningkatkan kehidupan mereka dalam setiap aspek. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengintegrasikan pembelajaran dalam perkhidmatan sebagai salah satu syarat untuk dilalui oleh pelajar universiti sebelum mereka tamat pengajian bergraduasi penuh.

Beliau berkongsi mengenai prinsip asas yang berlandaskan pendekatan ini dan bagaimana ia berbeza daripada kaedah pengajaran tradisional seperti bagaimana merancang kurikulum yang sesuai dengan pendekatan SULAM, memilih kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang sesuai, serta merancang strategi penilaian.




Melalui forum ini, peserta akan dapat mendapatkan pandangan yang mendalam tentang pendekatan SULAM dalam pengajaran dan pembelajaran serta peluang untuk bertukar pendapat dan pengalaman dengan staf akademik yang berjaya dalam melaksanakan pendekatan ini. Hal ini akan memberi manfaat kepada pensyarah dan pentadbir akademik dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di UMK.

PKPA

# WEBINAR AI IN TEACHING & LEARNING: STUDENTS' ENGAGEMENT

Webinar AI in Teaching & Learning: Students' Engagement pada 27 Mac 2024 dikemudi oleh YBrs. Dr. Fakhitah binti Ridzuan, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) bersama panel jemputan YBrs. Dr. Nur Zareen Zulkarnain, Ketua Bahagian (Pembangunan Sumber Pembelajaran Terbuka), UTEM.

Pusat Sumber dan Teknologi Pembelajaran (PSTP), UTEM memberi pendedahan kepada pensyarah UMK dan luar UMK mengenai kepentingan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) untuk pengajaran dan pembelajaran dalam memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar. Melalui pendedahan ini, pensyarah dapat mempelajari bagaimana teknologi AI dapat digunakan untuk meningkatkan interaksi, penyesuaian dan meningkatkan prestasi pelajar.

Hal ini melibatkan penerapan algoritma pembelajaran mesin, analitik pembelajaran dan aplikasi chatbot dalam persekitaran pembelajaran. Pendedahan ini juga membolehkan pensyarah untuk memahami kesediaan dan cabaran dalam mengintegrasikan teknologi AI dalam pengajaran mereka.






Dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih mesra pelajar, model pembelajaran teradun gantian (PTG), pembelajaran teradun sokongan (PTS) dan Hyflex boleh digunakan. PTG membolehkan pensyarah menyampaikan bahan pembelajaran melalui pelbagai medium seperti kuliah bersemuka dan dalam talian, sementara PTS menyediakan sokongan tambahan untuk pelajar melalui bahan pembelajaran tambahan dan interaksi pensyarah-pelajar.

Hyflex pula membolehkan pelajar memilih sama ada untuk menghadiri kelas secara fizikal atau dalam talian mengikut keperluan dan keselesaan mereka.

Webinar ini dirangkumkan sebagai kemahiran digital para pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk penggunaan alat-alat digital seperti platform pembelajaran dalam talian, perisian penghasilan bahan pembelajaran interaktif, dan teknik penyampaian bahan pengajaran secara dalam talian. Melalui webinar ini, pensyarah dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi lebih berkesan dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

## FHPK

# BENGKEL PENERANGAN PLATFORM BLENDED LEARNING OLEH PIHAK PUSTAKA PRINSIP



Bengkel Penerangan Platform Blended Learning oleh pihak Pustaka Prinsip telah dianjurkan oleh Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) menerusi Jawatankuasa Pembangunan Staf dan Modal Insan dan Pustaka Prinsip yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Kampus Kota pada 26 Februari 2024. Seramai lebih kurang 40 orang staf yang terdiri daripada pensyarah dari FHPK serta Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan telah menyertai bengkel ini.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memperkenalkan konsep dan isi kandungan yang terdapat dalam platform blended learning seperti Cengage MINDTAP, Pearson MYLAB, Mcgraw-Hill Connect dan WileyPLUS. Isi kandungan platform pembelajaran ini berdasarkan kepada pemilihan buku teks yang digunakan oleh pensyarah mengikut subjek yang diajar. Selain itu, ia memberikan ruang kepada pensyarah untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran seperti (Powerpoint Slide, Instructor Manual Guide, Multimedia Video, Test Bank). Kaedah penggunaan ini telah didedahkan di dalam bengkel tersebut.

## FSE

# PROGRAM BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

Bengkel Penyediaan Dokumentasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk Program Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian bagi Semester Februari 2023/2024 telah diadakan pada 6 Mac 2024 secara atas talian.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memenuhi salah satu keperluan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dalam memastikan bahawa keseluruhan program berjalan mengikut polisi dan prosedur akreditasi Majlis Akreditasi Pengajian Senibina Malaysia (MAPSM). Bengkel ini melibatkan jemputan panel pemeriksa luar dan profesor adjung yang dilantik untuk memberikan pandangan, cadangan dan penilaian mengenai kesesuaian dan kualiti projek yang akan dilaksanakan untuk kursus studio senibina.

Hal ini termasuk penilaian kesesuaian projek dengan bidang ilmu dan tahap pengajian, kualiti pembelajaran kursus (berdasarkan pemerhatian pentaksiran kursus), kesesuaian bahan penilaian berdasarkan tahap pengajian, serta kesesuaian pemarkahan penilaian berdasarkan tahap pengajian bagi semester tersebut. Bengkel ini membantu dalam pertukaran pengetahuan dan pengalaman antara para profesional industri dan fakulti, yang meningkatkan kualiti projek studio serta memastikan cadangan projek menepati keperluan dan inovasi terkini industri.





# TECHNOINNOVATION EXPO 2024 (TIE2024)

TechnoInnovation Expo 2024 (TIE 2024) yang diadakan pada 8 Januari 2023 bertempat di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli merupakan ekspo akademik dan inovasi yang menghimpunkan tiga ekspo inovasi utama iaitu BioInnovation Expo 2024 (BIONEX 2024), Materials Technology Expo 2024 (MATEX 2024) dan Wood Techno Expo 2024 (WTE 2024).



Penganjuran ekspo akademik dan inovasi ini adalah melibatkan komitmen kelab pelajar FBKT iaitu Kelab Innobiotech, Kelab Matecrev dan Kelab CAGRE serta membabitkan penyertaan daripada keseluruhan pelajar FBKT.

Program TIE 2024 diharapkan dapat menjadi satu platform untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar Fakulti. Agenda utama TIE 2024 adalah mempamerkan produk inovasi pelajar hasil daripada kursus-kursus P&P seperti Pembangunan Bioproduk, Teknologi Enzim, Teknologi Agrobahan dan Teknologi Pembuatan Perabot.

.



# SULAM – TEKNOLOGI PEMBUATAN PERABOT

Service-Learning Malaysia-University for Society, atau SULAM, adalah kaedah pembelajaran yang difokuskan pada aktiviti perkhidmatan berstruktur yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mereka ke arah menyelesaikan masalah dalam komuniti.

Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas, Jeli pada 17 Januari 2024 telah dipilih sebagai tempat melaksanakan projek SULAM bagi kursus Teknologi Pembuatan Perabot. Pelajar menggunakan kayu kitar semula daripada perabot sekolah yang rosak dan yang akan dilupus untuk menghasilkan perabot baru dengan idea yang diperbaharui.










Program ini membolehkan pelajar mempelajari teknik pembuatan perabot dengan cara yang betul, bermula dari proses mereka bentuk, inventori, pembuatan, dan kemasan.

Selain daripada itu, program ini juga boleh meningkatkan kepakaran dan kecekapan dalam mengendalikan pelbagai peralatan mesin di samping dapat menambah pengetahuan asas berkaitan pembuatan produk.

Program SULAM ini perlu diadakan setiap semester untuk merangsang pertumbuhan peribadi pelajar dan meningkatkan semangat kerja berpasukan.

# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UMK



Program Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UMK 2024 telah memberi impak dari segi nilai kreatif dan inovasi dalam kalangan pensyarah.

Di samping itu, program ini dapat merapatkan hubungan diantara para pensyarah dan golongan praktis batik di Kelantan dan Pahang. Terra Batik adalah tajuk bagi projek ini. Program ini dijalankan secara hibrid di Bilik Mesyuarat Majlis Bangunan Canselori pada 21 April 2024, dihadiri oleh pensyarah Senibina Landskap dan Kolej Komuniti Terengganu. Perkongsian maklumat dan info diantara institusi dapat memperluaskan idea yang kreatif.



Antara impak daripada program ini adalah membuka peluang diantara penggiat industri batik dengan pensyarah. Corak dan rekabentuk batik yang terkini telah ditempah dan dibeli oleh penggiat batik di sekitar Bachok.



# INTERNAL EXTERNAL ASSESSMENT DAY (INEX)

Program Internal External Assessment Day (INEX) ini telah melibatkan wakil industri dan Badan Profesional ILAM bagi menilai hasil kerja pelajar bagi setiap semester. Program yang telah diadakan di Studio Landskap, Aras 2, FSE yang bertarikh 20 Februari 2024 bertujuan untuk memastikan projek yang dilakukan oleh pelajar adalah seiring dengan universiti lain dan seiring dengan permintaan semasa pihak industri.

Di samping itu, program ini membuka peluang kepada pihak industri untuk memilih calon pelajar yang layak untuk bekerja di firma landskap masing-masing.
















# PROGRAM PENILAIAN INTERNAL AND EXTERNAL ASSESSMENT DAY (INEX DAY) SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024 PROGRAM SGD

Pada 15 hingga 20 Februari 2024, telah diadakan Program Penilaian Internal and External Assessment Day (INEX Day) Semester September 2023/2024 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok.

Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang melibatkan panel jemputan CEO Aiwin Design Sdn Bhd, En. Aiman Mansor, dua pensyarah UCSI iaitu Pn. Zirwatul Amani Abdul Aziz dan Pn. Nur Rafida Hamzah, pelajar dari pelbagai semester serta semua pensyarah jabatan.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan input kepada pelajar mengenai rekabentuk senibina dalaman dari panel jemputan yang terdiri daripada ahli akademik dan profesional industri yang berpengalaman.





# FSE

Program ini memberikan pandangan panel perkongsian dan input tentang perkembangan terkini dalam rekabentuk senibina dalaman serta memberikan motivasi kepada pelajar untuk menjadi pereka bentuk senibina dalaman yang berjaya. Program ini juga bertujuan untuk memupuk minat yang lebih mendalam terhadap bidang senibina dalaman di kalangan pelajar.

Di akhir program ini, antara anugerah kecemerlangan diberikan kepada peserta adalah Best Design, Best Students, Potential Students, Best Attitude Students, Best Dress Code and Athecate Students, Best Leadership Students dan Panel Awards.











INEX
Internal External Assessment Day
Bachelor of Interior Architecture with Honours
FSE













# SESI LATIHAN PENGGUNAAN SMART CLASSROOM UMK



Sesi latihan penggunaan Smart Classroom di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diadakan pada 12 dan 13 Mac 2024 di Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli. Sesi latihan diadakan untuk memastikan semua pihak bertanggungjawab dapat menguasai sepenuhnya fasiliti yang baru disediakan.




Topik yang dikupas oleh wakil daripada Syarikat E-One Solution selaku pembekal bagi Smart Classroom adalah mengenai pengenalan dan tatacara penggunaan perisian yang terdapat di fasiliti tersebut termasuk platform pembelajaran dalam talian, perisian untuk sidang video, alat kolaboratif dalam talian dan aplikasi lain yang berkaitan dengan pembelajaran.

Melalui sesi latihan yang komprehensif dan bersepadu seperti ini, diharapkan para pelajar dan pensyarah di UMK akan dapat mengambil kesempatan sepenuhnya daripada potensi pembelajaran yang ditawarkan oleh Smart Classroom yang baru dilengkapi dengan teknologi canggih tersebut.





# LAWATAN PENANDA ARAS AKTIVITI PEMBELAJARAN (CITRA UKM KE PKPA UMK)

Kunjungan delegasi dari Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik pada 23 Jan 2024 adalah sebuah platform emas untuk sesi berkongsi pengetahuan, pengalaman dan praktik terbaik dalam perkembangan ePembelajaran. Selain itu, CITRA dan PKPA mengambil peluang ini untuk berdiskusi tentang trend terkini dalam ePembelajaran serta kekangan dalam mengimplementasikan dan memperluas penggunaannya termasuk isu teknikal seperti akses dan infrastruktur teknologi, cabaran pedagogi dan isu pentaksiran pembelajaran dalam talian.

Sehubungan itu, lawatan delegasi dari CITRA ini diharapkan dapat meningkatkan kolaborasi antara kedua institusi dalam pengembangan ePembelajaran dan memperkuat kapasiti pengajaran dan pembelajaran di UMK.









# KERJASAMA AKADEMIK

# MOU SIGNING CEREMONY AND COLLABORATION DISCUSSION BETWEEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) AND RAJAMANGALA UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SRIWIJAYA (RUTS), THAILAND

UMK and have officially marked our partnership with the signing of a Memorandum of Understanding (MoU). The ceremony, held on January 10, 2024, at UMK Bachok, was initiated by the Faculty of Veterinary Medicine at both institutions. Following the signing ceremony, a discussion on potential collaboration, organized by UMK International, was held between RUTS, Faculty of Veterinary Medicine, UMK and Faculty of Agro Based Industry, UMK. Leading the discussions on behalf of UMK was Deputy Vice Chancellor (Academic & International), Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad. On the RUTS side, the delegation was headed by the esteemed President, Professor Dr. Suwat Tanyaros.

The engaging talks delved into a range of collaborative initiatives, including student exchange programs, postgraduate offerings, academic visits by lecturers, and the exciting prospect of student summer camp programs. This collaboration not only fosters academic ties but also opens the door to a vibrant exchange of ideas, knowledge, and cultural experiences. As the two institutions embark on this journey, the possibilities for mutual growth and enrichment are boundless. Stay tuned as UMK and RUTS pave the way for a dynamic and fruitful partnership.






# EMGS TOWNHALL SESSION WITH MALAYSIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS 2024

UMK International was represented by Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir, Deputy Director (Marketing) to attend EMGS Townhall Session with Malaysian Higher Education Institutions 2024 on 10 January 2024. During this event, EMGS shared their strategic marketing moves, tactics and initiatives in promoting Malaysian Higher Education Institution for global market











# A VISIT FROM THE UNIVERSITY OF HORTICULTURAL SCIENCES, INDIA

UMK International was honoured to receive a visit from the University of Horticultural Sciences (UHS), India. UHS represented by their delegation leader, Dr. Mesta Raghavendra Kamalakar, Dr. Reddi Sanjeevraddi, Dr. Basavarajappa Hiriyur Ramappa and Dr. Venkateshalu at UMK Jeli Campus for a credited mobility program. The meeting was chaired by YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Deputy Vice Chancellor (Academic and International), Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhammad Saufi Bin Che Rusuli (Director of UMK International) and Dr. Mohammad Aurifullah (Regional Representative of UMK International). There are great potential for future collaboration between UMK and UHS that can be explored together.

# MOU SIGNING CEREMONY AND COLLABORATION DISCUSSION BETWEEN TERMEZ STATE PEDAGOGICAL INSTITUTE, UZBEKISTAN AND UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Universiti Malaysia Kelantan and Termez State Pedagogical Institute, Uzbekistan have officially marked their partnership with the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between both institutions. The ceremony was held on 7 February 2024 at Faculty of Language Studies and Human Development, UMK Bachok.

This memorable day started off with discussion on potential collaborations between members of faculty and delegations from Uzbekistan. The delegations led by Rector, Mr. Khasanov Azizbek, accompanied by Head of International Department; Mr. Umidjon Eshmuratov, Rector Assistant; Mr. Khalilov Raufjon, Institute Press; Ms. Toshmamatova Maftuna and a student; Ms. Umirzakova Gulmira.



This collaboration not only fosters academic ties but also opens the door to a vibrant exchange of ideas, knowledge, and cultural experiences. As the two institutions embark on this journey, the possibilities for mutual growth and enrichment are boundless.

Stay tuned as UMK and Termez State Pedagogical Institute pave the way for a dynamic and fruitful partnership.













## SEMINAR LITERASI TENAGA

Seminar Literasi Tenaga merupakan program kemasyarakatan yang dianjurkan bersama dengan Tenaga Nasional Berhad yang bertujuan untuk memberikan kesedaran berkenaan kecekapan tenaga dan kepentingan peralihan kepada tenaga boleh baharu untuk kelestarian alam sekitar.

Seminar Literasi Tenaga merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah Malaysia Energy Literacy Program (MELP) yang telah dilancarkan oleh kerajaan pada 2023.

Program yang dijalankan pada 8 Januari melibatkan perkongsian daripada pakar-pakar yang didatangkan khas oleh pihak TNB dan juga telah disertai oleh para pelajar daripada fakulti di UMK di Dewan Utama Kampus Jeli.

# BENGKEL SEMAKAN FAIL KURSUS DAN FAIL PROGRAM BERSAMA PEMERIKSA LUAR JABATAN SENIBINA DALAMAN SEMESTER SESI 2022, 2023

Pada 5 Mac 2024 telah diadakan Bengkel Semakan Fail Kursus dan Fail Program secara dalam talian. Tujuan bengkel ini merupakan salah satu keperluan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) untuk memastikan keseluruhan program dijalankan mengikut kehendak Polisi dan Prosedur Akreditasi Program Senibina Dalaman (PAID).

Bengkel ini juga akan memberi peluang kepada panel pemeriksa luar untuk memberikan pandangan, cadangan, dan penilaian terhadap kesesuaian dan kualiti program yang telah dijalankan untuk penambahbaikan.

Pemeriksa Luar akan melakukan pemeriksaan terhadap semua fail kursus dan fail program sesi 2022/2023. Pemeriksaan merangkumi maklumat kursus, kesesuaian kursus dengan bidang ilmu dan tahap pengajian, kualiti hasil pembelajaran kursus (berdasarkan pemerhatian pentaksiran kursus), kesesuaian bahan pentaksiran berdasarkan tahap pengajian, kesesuaian pemarkahan pentaksiran berdasarkan tahap pengajian untuk semester-semester tersebut






# BENGKEL PEMURNIAN RINGKASAN TUGASAN DAN PROJEK KURSUS BERSAMA PEMERIKSA LUAR JABATAN SENIBINA DALAMAN SEMESTER FEBRUARI 2023/2024




Bengkel Pemurnian Ringkasan Tugasan dan Projek Kursus bersama Pemeriksa Luar Jabatan Senibina Dalaman telah diadakan pada 12 Mac 2024. Tujuan bengkel ini untuk memberikan persediaan awal yang komprehensif kepada pensyarah yang akan memulakan tugas semester baru dalam pengajaran dan pembelajaran atas nasihat Pemeriksa Luar Jabatan serta memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti tinggi.

Hal ini termasuk merangka kursus yang akan diambil oleh pelajar, tugasan dan projek kursus yang akan dijalankan dan matlamat pembelajaran semester tersebut. Pensyarah juga perlu memahami tujuan, tugas dan projek khusus, dan kriteria penilaian untuk setiap tugasan dan projek ini.

Bengkel ini membantu pensyarah dalam mempersiapkan diri dengan baik sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula, membolehkan mereka memberikan pengajaran yang lebih berkualiti dan membantu pelajar mencapai pencapaian akademik yang lebih baik. Nasihat dari Pemeriksa Luar Jabatan memberikan nilai tambah dalam memahami cabaran dan peluang dalam bidang senibina dalaman pada masa kini.

## WACANA TUAN GURU NIK AZIZ (TGNA) SEBAGAI TOKOH KEAMANAN





Pada 22 November 2022, pembentangan hasil kajian dari program Wacana Pemikiran Keamanan TGNA oleh Pengarah PEMIKIR telah diadakan secara fizikal di Bilik Mesyuarat Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG), UMK Bachok. Pembentangan ini merumuskan bahawa untuk membina konsep pemikiran keamanan mengikut perspektif TGNA, pola dan gaya berfikir TGNA perlu dibangunkan terlebih dahulu.

Analisis data peringkat pertama menunjukkan bahawa pemikiran TGNA dibentuk dan dipengaruhi oleh tiga faktor yang paling utama iaitu pengaruh asuhan dan pendidikan kedua ibu bapanya. Kedua, pendidikan yang diterima di pelbagai peringkat kehidupan  dan yang terakhir adalah pengalaman hidup khususnya perjalanan hidup sebagai seorang pendidik, ahli politik dan pentadbir.

Hasil kajian merumuskan dua perkara iaitu menekuni pola pemikiran TGNA, susuk dan personaliti TGNA sewajarnya diangkat ke tahap yang lebih tinggi sebagai tokoh universal atau ikon kemanusiaan sejagat sebaris dengan Mahatma Ghandhi, Nelson Mandela, Malcolm X dan lain-lain. Seterusnya, menginsafi pola pemikiran TGNA menjadikan seseorang itu  tidak fanatik/ taasub kepada idea/ buah pemikirannya atau personaliti dirinya tetapi komited meneruskan inspirasi dan roh perjuangannya.

## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAM (MOU) DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DAN TERMEZ STATE PEDAGOGICAL INSTITUTE





## BENGKEL PEMBANGUNAN MODUL




Bengkel Pembangunan Modul yang bertarikh 21 Februari 2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tok Kenali, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Manusia (FBI), UMK Bachok. PEMIKIR bertindak sebagai mediator untuk memberi bantuan kepakaran dari aspek pembangunan modul untuk digunakan bagi memenuhi SKT Teras Pembangunan Pelajar iaitu mencipta aktiviti yang boleh membantu pelajar FBI melaksanakan program sukarelawan bersama komuniti setempat.



Aktiviti sukarelawan yang ingin dilaksanakan seharusnya berkaitan dengan niche pelajar FBI yang menguasai bidang pengajian bahasa (Bahasa Arab dan Inggeris). Oleh itu, aktiviti yang dicadangkan ialah aktiviti sukarelawan pelajar mengajar bahasa Arab dan Inggeris kepada para remaja di Kampung Rekang. Secara tidak langsung, aktiviti ini juga membolehkan para pelajar FBI mengaplikasikan perkara yang dipelajari. Di samping itu, projek ini juga boleh dikaitkan dengan aktiviti SULAM.



Program ini membantu PEMIKIR mencapai objektif dengan menjadi penyelaras kepada dua aspek iaitu penyelaras dalam aspek pembangunan modul latihan untuk pihak dalaman dan luaran FBI serta penyelaras yang menghubungkan antara pihak FBI (staf dan pelajar) dengan pihak komuniti (masyarakat Rekang Hulu).

# DISKUSI SANTAI TOPIK TERPILIH (GERAKAN TASAWUF DAN IMPAKNYA KEPADA MASYARAKAT)



Diskusi Santai Topik Terpilih (Gerakan Tasawuf dan Impaknya kepada Masyarakat) telah memberi fokus kepada sejarah tasawuf di Malaysia dan kaitannya dengan kedatangan Islam di Tanah Melayu. Acara ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Mawardi, FBI dan pada 21 Januari 2024.

Diskusi santai tersebut telah membincangkan bagaimana gerakan tasawuf mempengaruhi pihak istana dan wujudnya unsur mistik dan kaitannya dengan raja-raja di Tanah Melayu.

Sorotan khas dilakukan kepada  tarekat sufi Naqshbandi al-Aliyyah dan hubungannya dengan Raja Ashman serta unsur bunyi-bunyian yang dipersembahkan dalam majlis perarakan dan zikir. Di samping itu, isu tentang aspek teologi dan wujudiyyah atau wahdatul wujud serta fatwa yang dikeluarkan pihak berkuasa turut dibincangkan secara mendalam.



Antara impak daripada kolaborasi adalah menghasilkan kerangka asas pemikiran tasawuf yang yang disepakati dan diyakini bersama. Selain itu kepentingan untuk menyebarkan konsep tasawuf yang tepat kepada masyarakat awam agar tidak terkeliru.

Beberapa rumusan dibuat berdasarkan perbincangan tersebut iaitu:

1. Konsep tawasuf perlu difahami sebagai proses pembersihan jiwa dan penyucian hati serta hubungannya dengan akhlak.
2. Konsep tasawuf perlu difahami dalam kerangka saling hubungan antara aqidah, syariat dan akhlak. Tiada tasawuf tanpa syariat dan akidah.
3. Kayu pengukur ketepatan dan kesahihan sesuatu aliran tasawuf adalah al-Quran dan Sunnah. Tasawuf boleh diterima selagi mana tidak bercanggah dengan keduanya.
4. Kepentingan untuk melihat tasawuf secara adil dan tidak melampau atau menyimpang dari aliran ahli sunnah wa al-jamaah.
5. Aliran tasawuf yang dicadangkan ialah aliran tasawuf yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali.
6. Perlu berhati-hati dengan gerakan tasawuf yang mengajak kepada pengalaman kerohanian (zauq) sebagai jalan pintas untuk mengisi atau membangun aspek kerohanian seseorang.
7. Disiplin ilmu tasawuf dilihat tiada hubungkait dengan disiplin ilmu al-Sunnah dan tidak dilihat berasaskan amalan para sahabat dan tabiin sedangkan mereka yang sepatutnya dijadikan rujukan dalam isu-isu keagamaan dan metafizik yang bersifat amalan.
8. Ahli sufi kontemporari perlu memahami al-Quran dan al-Sunnah sebelum mempelajari tasawuf.




# SYARAHAN PERDANA KEAMANAN: MASA DEPAN GAZA DAN UMAT ISLAM DI PALESTIN

Syarahan Perdana Keamanan ini disampaikan oleh Syaikh Dr, Sameeh Kamil Ahmad Hajjaj, Mufti al-Maahid al-Azhariyyah Palestin. Tajuk syarahan adalah ‘Masa Depan Gaza dan Umat Islam di Palestin telah berlangsung dengan jayanya pada 19 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI.

Pembicara telah mengemukakan lima strategi penting untuk mengembalikan keamanan di Gaza dan membebaskan Masjid al-Aqsa di Palestin. Strategi pertama adalah kembali berpegang teguh kepada konsep tauhid sebagai teras kesatuan ummah. Kedua, umat Islam wajib bersatu-padu dan hindari segala pertelingkahan dan perseteruan.

Selain itu, kembali secara benar kepada akhlak Islam, bebaskan diri dari penyakit ‘wahan’ (cinta dunia dan takut mati) dan seterusnya kembali kepada Allah dengan melaksanakan ibadah dan sentiasa berdoa kepadaNya.

Penceramah menyimpulkan bahawa langkah-langkah tersebut perlu bermula di masjid sebagai tempat yang paling strategik untuk menimba pengetahuan, mendidik akhlak dan membangunkan generasi yang soleh dan muslih.







## DISCUSSION BETWEEN UMK INTERNATIONAL AND HEBEI GEO UNIVERSITY

On 18 January 2024, a discussion was held at UMK City Campus with Hebei GEO University on 1+3 undergraduate programs, focusing on business and entrepreneurship.

UMK International team was led by Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Saufi bin Che Rusuli, Director of UMK International, Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zukarnaen bin Khidzir, Deputy Director (Marketing) of UMK International and assisted by Ms Chua Hui Wen, Regional Representative (China) of UMK International.

Hebei GEO University was led by their International Colleges Director, Mr. Liu Bin, and assisted Vice Director, Mr. Wei Yaxu and out partner agent, Yifeng County, Wisteria Nanyang Trading, Mr Sherlock Tan.








## A VISIT OF MAYCHAM (MALAYSIA-KUNMING)

UMK International was invited by the Creative Technology Park (CTP) to participate in the returned visit of MAYCHAM (MALAYSIA-KUNMING) which was led by YBhg. Prof. Dato Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa as Honorary President of MAYCHAM.

During the meeting on 21 January 2024, various matters were discussed including the exchange and visiting lecturers, the promotion of overseas student recruitment, credit mobility and so on.

# UMK INTERNATIONAL & ALZETTE UNIVERSITY: BUILDING BRIDGES FOR GLOBAL EDUCATION






An engaging discussion was held on 12 March 2024 with Alzette University as the foundation for an exciting partnership.

Chaired by Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Saufi, Director of UMK International and supported by Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zulkarnaen, Deputy Director of Marketing, as well as Dr. Nurul Akmar Che Zaudin, Deputy Director of Internationalization, Assoc. Prof. Dr. Noorshella, Deputy Dean of MGSEB, alongside Dr. Zam @ Ab Razak Zambri and his team.

The meeting served as a hub of productive dialogue and collaboration.

# DISCUSSION BETWEEN UMK INTERNATIONAL AND MOTEC: ENHANCING EDU-TOURISM AND STUDENT MOBILITY INITIATIVES



The meeting was held on 17 March 2024, chaired by Assoc. Prof. Ts. Dr. Saufi (Director of UMK International), Dr. Nurul Akmar Che Zaudin (Deputy Director of Internationalization) and Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zulkarnaen, Deputy Director of Marketing and Mr. Ahmad Aiman Bin Ahmad Nasim (Assistant Registrar).

We had a very productive discussion with MOTEC, where we explored ways to enrich edu-tourism in Kelantan and elevate opportunities for student mobility to UMK. We also discussed how to utilize an interesting place in Kelantan for our Student Mobility Program and edutourism packages. We believe that strong support from MOTEC will help us gain access to the entire edu-tourism ecosystem, including reputable tourism agents to collaborate with us for our edu-tourism and international student mobility programs.

## FOLLOW-UP DISCUSSION BETWEEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) AND VICTORIA PROPERTY MANAGEMENT




Today's Follow-Up Discussion between Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and Victoria Property Management was held on 24 March 2024. It is a pivotal act focusing on ongoing special projects within Master of Business Administration (MBA) and Master of Entrepreneurship by coursework (MIE).

Additionally, a signing of a Memorandum of Understanding (MoU) was discussed, marking a significant step towards formalizing the partnership between both institutions.

UMK, led by YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Deputy Vice Chancellor (Academic & International), along with representatives from various departments and Victoria Property Management, represented by Mr. Zhong Zhenyu and Mdm. Vicky Houng, showcased a firm commitment to fostering collaboration and international outreach, particularly emphasizing the recruitment of students from China.

The collaboration and mutual dedication from both institutions will drive impactful initiatives in shaping the future landscape of academia and entrepreneurship in UMK.

## RSREC INTERNS: BRIDGING CULTURES AND FOSTERING ACADEMIC BONDS




Today's Follow-Up Discussion between Universiti Malaysia Kelantan (UMK) and Victoria Property Management was held on 24 March 2024. It is a pivotal act focusing on ongoing special projects within Master of Business Administration (MBA) and Master of Entrepreneurship by coursework (MIE).

Additionally, a signing of a Memorandum of Understanding (MoU) was discussed, marking a significant step towards formalizing the partnership between both institutions.

UMK, led by YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Deputy Vice Chancellor (Academic & International), along with representatives from various departments and Victoria Property Management, represented by Mr. Zhong Zhenyu and Mdm. Vicky Houng, showcased a firm commitment to fostering collaboration and international outreach, particularly emphasizing the recruitment of students from China.

The collaboration and mutual dedication from both institutions will drive impactful initiatives in shaping the future landscape of academia and entrepreneurship in UMK.







## KUNJUNGAN HORMAT UMK KE YAYASAN SARAWAK

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) merupakan salah satu wakil UMK bagi mempromosikan pengajian pascasiswazah di UMK. Kunjungan hormat UMK ke Yayasan Sarawak adalah pada 6 Mac 2024 (Rabu).




## SIMPOSIUM SISWAZAH (SSiU2024)

Program Simposium Siswazah (SSiU2024) telah diadakan secara dalam talian pada 22 Januari 2024 yang memberi peluang kepada pelajar untuk membentangkan kajian/penulisan mereka bagi membantu pelajar untuk menerbitkan jurnal/penulisan mereka bagi memenuhi syarat penerbitan dalam pengajian Doktor Falsafah dan Sarjana.






# PERBINCANGAN KOLABORASI BERSAMA MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC)



Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah menerima kunjungan daripada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) pada 30 Januari 2024 di Ignite Venture Lab, UMK Kampus Kota.

Perbincangan yang diketuai oleh Ts. Tuan Haji Hazani Haji Hassan, Ketua Eksekutif MTDC serta En. Shaharul'Azam Salleh, Naib Presiden Kanan, Jabatan Dana Teroka Teknologi dan Puan Samihah Ahmed, Naib Presiden, Jabatan Dana Teroka Teknologi.

MTDC merupakan agensi di bawah MOSTI yang terlibat dalam pengkomersialan dan pemindahan teknologi, inkubasi, pengurusan dana kerajaan berkaitan teknologi serta peningkatan kadar penerapan teknologi dalam syarikat-syarikat PKS tempatan.



# MOBILITI & ANTARABANGSA

## FIAT-UHS INTERNATIONAL INBOUND CREDIT MOBILITY PROGRAM

Ten students from University of Horticultural Sciences, Bagalkot, India (UHS) undergone for international credited mobility at Faculty of Agro Based Industry, UMK Campus Jeli and successfully completed 30 days training on 16 January 2024.




## 32ND INDONESIA INTERNATIONAL EDUCATION TRAINING EXPO & CONFERENCE 2024




UMK International participated in the prestigious 32nd Indonesia International Education Training Expo & Conference 2024 that take place at Jakarta Convention Center, Indonesia on 22 until 25 February 2024.

Led by the dynamic leadership of Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Saufi bin Che Rusuli, Director and Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir, Deputy Director of Marketing, the mission is to showcase UMK's excellent academic programs and solidify our reputation as Malaysia's Entrepreneurial University on the global stage, with a special focus on the vibrant Indonesian market.



# UMK ENGAGES AT ASEAN (MALAYSIA) - CHINA HIGHER EDUCATION FORUM: STRENGTHENING BONDS, EXPLORING FUTURES




UMK International delegates, led by Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Saufi (Director) and Assoc. Prof. Ts. Dr. Nik Zulkarnaen (Deputy Director), attended the Asean (Malaysia) - China Higher Education Forum at the prestigious Kuala Lumpur Convention Centre on 23 March 2024.

Bursting with excitement, the forum commemorated the magnificent 50-years diplomatic alliance between Malaysia and China. Amidst the vibrant atmosphere, attendees were immersed in the latest breakthroughs in higher education strategies, showcasing dynamic government policies, regulations and the entire industry ecosystem fostering academic excellence in both nations.

This electrifying event served as a catalyst for fostering future collaborations and ingenious partnerships within the higher education realm, igniting a fervent passion for growth and innovation. Engaging in riveting discussions, our team explored boundless opportunities with esteemed partners from China, uncovering potential markets and avenues for student exchange mobility programs and the promising prospect of studying at UMK. With great honor, the forum was graced by the esteemed presence of the Deputy Minister of Higher Education of Malaysia, adding a touch of prestige to this unforgettable gathering.

# DIALOGUE SESSION AND EDUCATIONAL VISIT FROM THE INDIA-MALAYSIA YOUTH EXCHANGE PROGRAMME









UMK International hosted a Dialogue Session and Educational Visit for 41 students participating in the India-Malaysia Youth Exchange Programme. The dialogue session, held on 27th March 2024 at UMK Bachok, featured a warm welcome speech delivered by YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Deputy Vice Chancellor (Academic and International) of UMK.

Gratitude was extended to Mr. Dinesh Gajendran, the Head of Delegation, as well as to the mobility students from India currently engaged in their internship program at the Faculty of Data Science and Computing, and to the full-time UMK postgraduate student from India.

# CROSS-CULTURAL LEARNING INITIATIVE SERIES (1/2024)








Fakulti Sains Data dan Pengkomputeran (FSDK) telah menerima 10 pelajar dari Ramireddy Subbarami Reddy (RSREC), India. Pelajar tersebut telah menjalani program latihan industri di FSDK secara hibrid. Pelajar telah hadir ke FSDK pada 10 Mac hingga 8 April 2024.

Dalam tempoh tersebut, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bersama pelajar bagi menyelesaikan dan membentangkan hasil projek masing-masing.

Program ini akan menjadi platform untuk pertukaran pengetahuan dan pengayaan budaya. Semoga ia memperkasakan pelajar ini untuk memperdalam pemahaman mereka tentang Teknologi Maklumat dan memupuk pengalaman silang budaya yang berharga








# LAWATAN PELAJAR MOBILITI DARI UNIVERSITAS MERCU BUANA (UMB)





Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah menerima kunjungan daripada Fakultas Ilmu Komputer- Universitas Mercu Buana (Fasilkom) dari Jakarta yang terdiri daripada enam orang diketuai oleh Pn. Prastika Indriyanti, pensyarah Fasilkom dan lima orang pelajar Universitas Mercu Buana (UMB).

Seterusnya, sesi perjumpaan bersama pelajar telah diadakan di Data Science Lab, UMK Kampus Kota. Para pelajar tidak melepaskan peluang untuk menyertai Machine Learning (ML) Model Deployment Workshop. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada kelas Pengenalan Sains Data yang diambil oleh para pelajar UMB pada sesi September 2023/2024 dan telah dikendalikan oleh Ts. Dr. Fakhitah Binti Ridzuan, pensyarah kanan FSDK.



# UMK INTERNATIONAL STUDENTS AFFAIRS MEETING




The UMK International Students Affairs Meeting took place online on 13th March 2024, aiming to address the latest requirements for the Visa Approval Letter, establish international students' associations, and tackle issues encountered by UMK International students. The initiative seeks to enhance UMK's ability to offer the finest learning experience to its international student body by addressing these concerns.

The meeting was chaired by Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Saufi bin Che Rusuli, Director of UMK International, and attended by representatives from Centre for Postgraduate Studies, Bursary Department and Student Affairs Department of UMK.

# FBKT STUDENTS AT SRI PADMAVATI MAHILA VISVAVIDYALAYAM UNIVERSITY (SPMVV), INDIA

Five students from Faculty of Bioengineering and Technology undergone the internship program at Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam University, India.



SPMVV V-C Prof D Bharathi, Registrar Prof N Rajani, Dean Prof P Vijaya Lakshmi and others with students from Malaysia on Tuesday

## Malaysia students to undergo internship at SPMVV

PRADEEP VENNELAKANTI
TIRUPATI

AS part of the internship programme, five students of the Department of Applied Science in Bio-industrial Technology at Universiti Malaysia Kelantan Malaysia arrived at Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam (SPMVV) campus.

They will undergo an internship till July 30 at the campus. At SPMVV they will work in the Department of Microbiology and Incubation centres for their projects.

The Centre for International Relations has initiated the internships under student mobility programme. During their stay, they will undergo training in Bioengineering, Agri Biotechnology, r-DNA technology, Clinical Biochemistry, Immunology and Omics, along with practical and industrial exposure.

Vice-Chancellor Prof Depuri Bharathi and Registrar Prof N Rajani interacted with the students. Dean for Centre for International Relations Prof P Vijaya Lakshmi said that the students' mobility initiative was taken up as part of MoU between UMK and SPMVV. Prof P Suvarnalatha Devi, Prof Jaya Madhuri and Prof Chandi Kumari were present.

# PERBINCANGAN PROGRAM MOBILITI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) BERSAMA SEKOLAH TINGGI ILMU EKONOMI (STIE) INDONESIA




Bengkel Panduan Penilaian Apel A yang telah berlangsung pada 21 Januari 2024 dan melibatkan Ahli Task Force bertempat di UMK Kampus Kota. Bengkel ini penting dan bertujuan supaya memenuhi syarat kelayakan selanjutnya.

# BENGKEL PEMILIHAN PROGRAM UKM JAKARTA BERSAMA RAKAN STRATEGIK



Bengkel Pemilihan Program UKM Jakarta Bersama Rakan Strategik yang telah berlangsung di UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, bengkel ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan Penentuan Program dan Penentuan Jadual Bengkel Pemetaan Kurikulum bagi Joint Degree, Dual Degree dan Double Degree.

Bengkel ini turut membentangkan berkaitan Penawaran Pensijilan Profesional dan Micro Credential.

# BENGKEL PANDUAN PENILAIAN APEL A

Bengkel Panduan Penilaian Apel A yang telah berlangsung pada 21 Januari 2024 dan melibatkan Ahli Task Force bertempat di UMK Kampus Kota. Bengkel ini penting dan bertujuan supaya memenuhi syarat kelayakan selanjutnya.



MGSEB

## ENGAGEMENT SYNERGY SESSION BETWEEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN & INTERNATIONAL COUNCIL FOR SMALL BUSINESS (ICSB)




Program ini bertujuan untuk mencipta platform bagi dialog, kolaborasi, dan pertukaran pengetahuan antara akademisi dan profesional industri dalam bidang keusahawanan. Perbincangan bersama panel dan sesi interaktif telah diadakan pada 22 Februari 2024 di KL Malaysian Petroleum Club (MPC) bertujuan untuk meneroka strategi inovatif, trend yang sedang berkembang dan amalan terbaik dalam pendidikan keusahawanan dan pembangunan perniagaan kecil.

## KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH




Kunjungan hormat Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah telah diadakan pada 26 Februari 2024 di UMK Kampus Kuala Lumpur. Antara perkara yang dibincangkan adalah halatuju, pembangunan dan penawaran program akademik GBS, UMPSA.





# KUNJUNGAN DARI INTERNATIONAL LANGUAGE ACADEMY, FATONI UNIVERSITY

Fakulti Pengajian Bahasa dan Insaniah telah menerima kunjungan dari International Language Academy, Universiti Fatoni  pada 17 Januari 2024.

Kunjungan ini merupakan  lawatan balas dari pihak pengurusan FBI yang bertujuan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai akademik dan penyelidikan.

Selain itu, perbincangan mengenai peluang kerjasama untuk melaksanakan Mobiliti Tidak Berkredit untuk kusus Bahasa Inggeris yang dijangka akan dilaksanakan pada 31 Ogos 2024 selama lima hari.



Program Mobiliti Pelajar merupakan salah satu Key Performace Indicator (KPI) dibawah agenda pengantarabangsaan universiti awam di Malaysia termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Oleh yang demikian, FBI ingin memperkasakan program mobiliti di fakulti dengan salah satunya memberi peluang kepada para pelajar FBI untuk menyertai program-program yang bersesuaian di universiti antarabangsa.

Program ini memberi semangat kepada FBI untuk terus menyumbang kepada KPI pada tahun 2024. Program mobiliti outbound ini tentunya dapat mendatangkan banyak manfaat kepada pelajar dengan pendedahan dan pengalaman pembelajaran diperingkat antarabangsa.



# KEUSAHAWANAN




## FHPK

## PROGRAM GLAMOUR GLOW SPA & BEAUTY WEEK

Penganjuran Program Glamour Glow SPA & Beauty Week yang telah diadakan di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung tentang ilmu kesihatan, rawatan kecantikan serta membuka peluang kepada pemain industri kesihatan dan kecantikan ke arah jaringan industri untuk memartabatkan bidang kesihatan dan kecantikan.

Selain itu, program yang berlangsung pada 7 hingga 11 Januari 2024 ini turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti seperti gerai/keusahawanan, kempen derma darah, pelbagai rawatan kecantikan seperti manicure, lukis inai, Pertandingan OpenMic dan Pertandingan Solekan MUA dan Pemeriksaan mata percuma.

## LET'S CANTIK RAYA

Program Let's Cantik Raya telah diadakan di Elysian Spa, FHPK, UMK Kampus Kota bermula 31 Mac hingga 4 April 2024. Program selama empat hari ini telah menjalinkan kerjasama dengan Roseville Therapy Centre and Spa. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah totok wajah dan scalp massage, foot massage, hand massage dan face massage.

Sambutan yang luar biasa telah diterima sepanjang Let's Cantik Raya ini berlangsung. Terima kasih di atas sokongan daripada semua yang mendapatkan perkhidmatan kami.






# KARNIVAL JOM CANTIK DAN SIHAT 2024

Karnival Jom Cantik & Sihat 2024 telah diadakan pada 28 April hingga 30 April 2024 di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Kota yang lalu.

Karnival ini telah dikendalikan oleh pensyarah dan para pelajar daripada HWT20303 Kursus Promosi dan Pendidikan Kesihatan dan HWT20103 Kursus Amalan Makanan dan Pemakanan. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan, kesejahteraan dan kecantikan kepada seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan dan masyarakat di sekitarnya. Pada masa yang sama, ia juga salah satu cara untuk menggalakkan masyarakat terus melakukan aktiviti keusahawanan dan juga penjagaan kesihatan ke arah meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal.

Program ini melibatkan penyertaan dan kerjasama daripada pelbagai institusi dan agensi, Cawangan Pemakanan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Cawangan Pendidikan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Jabatan Hematologi/Unit Perubatan Transfusi, Hospital Universiti Sains Malaysia, Klinik Pergigian Besar Kota Bharu, Pejabat FAMA Negeri Kelantan.











Pemain industri yang menjadi penaja pertandingan adalah Nazira Empire Trading, Sundanese Health Spa dan Butik Niawarda Bagi menjana aktiviti keusahawanan pelajar dan masyarakat setempat, gerai jualan turut diadakan seperti gerai makanan dan minuman, koktail buah-buahan, aiskrim kelapa, pelbagai juadah kuih muih, jualan pakaian dan barangan kosmetik serta produk kesihatan.

Hasil daripada jualan tapak perniagaan, FHPK telah memperolehi sebanyak RM4,720.00. Tiada perbelanjaan yang dikeluarkan memandangkan Karnival ini adalah program yang dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah dan para pelajar FHPK dengan kelulusan tanpa implikasi kewangan.








KARNIVAL

# SESI PITCHING PROGRAM UNIVERSITY-COMMUNITY SOCIAL ENTERPRISE (UCSE) DAN UNIVERSITY SOCIAL ENTERPRISE COMPETITION (USEC)




Sesi 'Pitching' pasukan UMK3 dengan projek Memperkasa Komuniti melalui Produk Berasaskan Buluh dalam Usahawan Sosial, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi memperoleh geran University-Community Social Enterprise (UCSE) dan University Social Enterprise Competition (USEC) 2024 telah diadakan pada 10 Januari 2024.

Projek ini diwakili oleh lapan pelajar dan dua orang mentor pembimbing iaitu Prof. Madya Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak dan Dr. Nur Sakinah binti Mohamed Tamat. Sesi ‘Pitching’ tersebut telah berlangsung di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya itu membabitkan 87 pasukan daripada IPTA, IPTS dan Politeknik seluruh negara.




Geran berkenaan menawarkan jumlah maksimum RM40,000 untuk setiap pasukan yang berjaya. Namun, untuk memenangi geran ini bukan mudah kerana pasukan terpilih perlu menempuh persaingan yang sengit dan tapisan di peringkat universiti.



# AKTIVITI

# PEMANTAPAN GERAK KERJA HALA TUJU KECEMERLANGAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Setiu, 28 Februari 2024- Usaha berterusan gerak kerja hala tuju kecemerlangan akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam mencapai sasaran KPI yang ditetapkan oleh UMK amat signikan berlandaskan perkembangan terkini landskap pendidikan tinggi negara. Selaras dengan objektif tersebut, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) PTNCAA telah menganjurkan program on boarding Dekan dan Pengarah Akademik UMK dengan kehadiran Dekan, Timbalan Dekan (Akademik) dan Pengarah Pusat Tanggungjawab Akademik bertempat di Peladang Agro Resort, Setiu, Terengganu.










Program ini yang diadakan dengan kehadiran hampir 40 orang termasuk urusetia daripada PTNCAA berlangsung selama 3 hari 2 malam, bermula pada 28 Februari sehingga 1 Mac 2024. Penyusunan modul-modul bagi program sepanjang 3 hari ini melibatkan slot refleksi 2023, penetapan KPI 2024, perbincangan dalam kumpulan, pembentangan dan slot kepimpinan dan kerja berpasukan.









YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK selaku penceramah utama dan ketua bagi program ini berkata "Program ini bertujuan mengumpulkan semua dekan fakulti, timbalan dekan (akademik) dan pengarah PTj akademik dalam usaha bersama-sama berbincang, berkongsi idea dan memberi maklum balas yang dapat membantu memacu kecemerlangan akademik di UMK."

Antara isi penting bagi pengisian Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bagi program ini adalah seperti penetapan kurikulum terbuka, integrasi program pengajian, ODL dan APEL, penawaran private wing, program pesisir dan pusat pembelajaran, strategic business unit (SBU), lifelong learning, program baharu, semakan kurikulum, Hibrid dan Fleksibel (HyFlex), peningkatan pelajar pascasiswazah, penawaran program fast track (PhD/DBA) dan isu pengantarabangsaan seperti program mobiliti, penambahan pelajar pra dan pascasiswazah antarabangsa).












Selain daripada pembincangan dan pembentangan dalam kumpulan, para peserta juga menyertai slot kepimpinan dan kerja berpasukan dalam bentuk program outdoor seperti flying fox, water rafting dan jungle trekking. Program outdoor ini memberikan pengalaman yang berharga kepada para peserta selain memupuk semangat setiakawan yang lebih jitu dan mengurangkan tekanan kerja di pejabat.





Dalam program jungle trekking, para peserta yang diselia oleh jurulatih bertauliah daripada Peladang Agro Setiu, telah menelusuri track di pinggir hutan simpan Gunung Tebu. Track tersebut memerlukan para peserta berjalan mengenal habitat alam flora dan fauna selain meneroka dua buah gua.












516









Kemudian, para peserta telah diberi peluang untuk menguji keberanian menerusi aktiviti flying fox. Akhir sekali, bagi program water rafting, para peserta perlu mendayung rakit yang diperbuat daripada paip pvc mengelilingi kolam buatan di Peladang Agro Resort. Para peserta juga didedahkan dengan slot kerohanian yang disampaikan oleh Dr. Burhan, Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Insaniah (FBI). Beliau menyampaikan tadabbur Quran surah Al-Muzzammil, ayat 1 hingga 10.

“Di akhir program ini, para dekan dan pengarah akademik akan bersama-sama mengemblengkan usaha memacu kecemerlangan akademik di UMK. Strategi komunikasi dan semangat berpasukan utuh dikalangan peserta program yang terdiri daripada para dekan fakulti, pengarah PTj akademik dan juga timbalan dekan akademik dapat terus ditingkatkan.” kata Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran binti Nik Maheran, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).



# SISIH DAN SAPU, PERMULAAN 2024 BAGI BUDAYA EKSA STAF PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Dewan Tuanku Canselor, 18 Januari 2024 – Staf Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pusat Pengurusan Kualiti di Dewan Tuanku Canselor telah mengadakan gotong royong dibawah pemerkasaan budaya EKSA. Gotong-royong siri pertama ini telah disertai oleh staf di Aras 2 dan 3 Dewan Tuanku Canselor.

Gotong royong kali ini menekankan amalan sisih dan sapu dengan mensasarkan fail dan dokumen lama di ruangan dan bilik stor PPA serta PKPA. Selain itu, staf juga bekerjasama dalam menyapu beberapa bilik gunasama di PPA dan BSP seperti bilik rekod, bilik perbincangan, surau dan ruangan pelupusan aset.









Gotong royong kali ini turut melibatkan pemindahan rekod-rekod dokumen dan fail tutup bagi PKPA, PPA dan BSP. Pemindahan tersebut amat penting dalam memastikan pengurusan rekod di Dewan Tuanku Canselor sentiasa terjaga dan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah dikeluarkan dan digunapakai di UMK.

BSP



# BUDAYA HIDUP SIHAT WARGA PEJ. TNCAA BAGI TAHUN 2024




Dewan Tuanku Canselor, 4 Januari 2024 – Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kembali mengadakan program senamrobik sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kesihatan staf jabatan dibawah inisiatif Jom Fit tahun 2024. Program Jom Fit ini diharapkan dapat memberikan manfaat besar dalam mengurangkan tahap stress tempat kerja, meningkatkan keharmoniaan dan membantu warga kerja Pejabat TNCAA lebih sihat. Program senamrobik telah dipilih menjadi program permulaan bagi siri program Jom Fit Pejabat TNCAA bagi tahun 2024. Hampir kesemua staf Pejabat TNCAA telah menyertai program senamrobik tersebut yang diadakan di Foyer Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok bermula jam 9.00 pagi.

Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) turut meluangkan masa menyertai program senamrobik ini. Beliau turut menyatakan harapannya terhadap program ini "dengan mengamalkan gaya hidup sihat melalui senamrobik, kita dapat mencegah beberapa penyakit yang dikaitkan dengan kekurangan aktiviti fizikal di pejabat. Saya sentiasa menggalakkan semua staf Pejabat TNCAA untuk aktif dalam program seumpama ini agar kita semua lebih segar dan sihat.

# PEJ. TNCAA SEMARAKKAN RAMADAN, RAIH KETAKWAAN






Kubang Kerian, 23 Mac 2024- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menganjurkan majlis berbuka puasa bertempat di Tudior Café. Majlis tersebut telah mengumpulkan hampir lebih 50 orang staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bersama ahli keluarga masing-masing. Majlis yang ditaja sepenuhnya oleh YBhg. Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran Nik Muhammad ini bertujuan mengumpulkan semua staf bersama ahli keluarga masing-masing meraikan semangat kebersamaan dalam menyemarakkan bulan Ramadan, bulan mulia.

Majlis yang penuh keriangan itu dimulai dengan sesi bergambar dan diikuti dengan sesi penyampaian duit raya kepada anak-anak staf Pejabat TNCAA. Menjelang waktu berbuka, para hadiran dihidangkan dengan pilihan makanan yang memikat serta menambat citarasa.

















YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad menyampaikan penghargaan kepada semua staf yang dapat hadir pada majlis tersebut termasuk tetamu jemputan khas iaitu para dekan fakulti. "Dalam menghayati semangat Ramadan, kita berkumpul bukan sahaja untuk berbuka puasa tetapi untuk meruntuhkan sempadan sesama kita, untuk memupuk empati dan perpaduan berlandaskan kepada objektif yang sama," kata beliau

Tambah beliau lagi,"Acara berbuka puasa malam ini mencerminkan semangat Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang meraikan kepelbagaian, memupuk pemahaman, dan merangkul nilai-nilai kebersamaan."






## SESI MESYUARAT ATAS TALIAN BERSAMA POLITEKNIK SHAH ALAM








Mesyuarat Bersama Politeknik Shah Alam yang telah berlangsung pada pagi 3 Januari 2024 menggunakan aplikasi Zoom, diadakan bagi membincangkan halatuju kerjasama antara UMKCEE dengan PSA bagi menjayakan projek PERSISIR.

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN POSTER SOLIDARITI UNTUK PALESTIN KURSUS REKAAN WEBLOG



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Poster Solidariti untuk Palestin Kursus Rekaan Webblog dianjurkan bertempat di SPA pada 10 Januari 2024, yang dimiliki oleh salah seorang pelajar UMKCEE. Pertandingan ini bagi memenuhi kriteria pemarkahan kursus berkenaan..





## MAJLIS ANUGERAH DEKAN & HARI TERBUKA PUSAT PENDIDIKAN LUAR UMK

Pusat Pendidikan Luar Umk (UMKCEE) telah Menganjurkan Majlis Anugerah Dekan dan Hari Terbuka Pusat Pendidikan Luar UMK yang bertempat di Anjung Rebana dan bertarikh 28 Februari 2024. Majlis ini melibatkan penyertaan seramai 50 orang peserta. Iaitu terdiri daripada 24 Penerima Anugerah Dekan serta tetamu jemputan daripada Fakulti yang terlibat dan 20 tetamu daripada Kolej Teknologi Darulnaim.

Majlis Anugerah Dekan membolehkan universiti untuk mengiktiraf pencapaian akademik yang cemerlang dalam kalangan pelajar. Majlis ini turut menjadi sumber motivasi tambahan bagi pelajar untuk berusaha lebih keras dalam pengajian mereka selain mewujudkan persaingan sihat di kalangan pelajar untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi.

## MESYUARAT PENGURUSAN PUSAT PENDIDIKAN LUAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMKCEE) BILANGAN 1/2024





Mesyuarat Pengurusan Pusat Pendidikan Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE) BILANGAN 1/2024 telah diadakan pada 27 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat UMKCEE. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk mengukur prestasi semasa dan merancang langkah untuk penambahbaikan gerak kerja.



# PEMERKASAAN PEMIMPIN DI MALAYSIA: KUASA BERBICARA DALAM MENGINSPIRASI KEASLIAN DAN KEMAJUAN





Kepimpinan yang berkesan merupakan asas kepada kejayaan sesuatu organisasi, dan dalam konteks Perkhidmatan Awam Malaysia, ia memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan dan transformasi. Kepimpinan yang sebenar, yang berpusat pada kecerahan, empati, dan hubungan yang jujur dengan pasukan, kini lebih penting daripada sebelumnya.

Salah satu alat yang kuat dalam kepimpinan autentik boleh digunakan adalah berbicara. Kemahiran berbicara boleh membantu pemimpin menyampaikan visi mereka, menginspirasi tindakan, dan mendorong penglibatan.

Latihan ini telah diadakan pada 25 hingga 29 Februari 2024 yang telah diadakan di Thistle Hotel, Johor Bahru. Dalam latihan ini, kita akan meneroka kepentingan berbicara untuk pemimpin dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, mengenal pasti masalah, mencadangkan penyelesaian, dan menyampaikan kerangka pelaksanaan.

**PPS**






# PROGRAM PREMIUM PREVIEW PHD & MASTERS OF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Program premium preview PHD dan Masters of UMK pada 4 Februari 2024 (Ahad) diadakan bagi mempromosikan program pengajian yang ditawarkan di UMK kepada potential students dari pelbagai latar belakang terutamanya yang berjawatan tinggi dalam industri terkemuka Malaysia







## PENYAMPAIAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG



Jabatan Senibina Landskap telah mengiktiraf pelajar cemerlang mengikut studio masing-masing dengan mengadakan acara Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang yang bertarikh 20 Februari 2024 di Laman Monsun, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE).

Antara studio yang telah terlibat di dalam acara ini adalah studio Reka Bentuk Penanaman, studio Landskap Taman dan Rekreasi, studio Warisan dan Budaya. Pengiktirafan yang diberikan ini akan menaikkan semangat pelajar supaya lebih bersungguh dalam pembelajaran. Penilaian pelajar ini berdasarkan panel dalam dan luar UMK.

Di akhir program ini, beberapa anugerah kecemerlangan diberikan seperti Best Design, Best Students, Potential Students, Best Attitude Students, Best Dress Code and Athecate Students, Best Leadership Students dan Panel Awards.





## LAWATAN TAPAK KE BANGUNAN SUK NEGERI KELANTAN

Pada 27 Mac 2024 telah berlangsungnya program Lawatan Tapak ke Bangunan SUK Negeri Kelantan. Ia telah memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pemilihan tumbuhan yang sesuaian, cara penyelenggaraan dan kos bagi penanaman tumbuhan tersebut.

Di samping itu, pelajar dikehendaki menyediakan lukisan berkaitan di tapak kajian. Impak daripada lawatan ini adalah pelajar dapat berkongsi pengalaman bersama panel dan mengetahui pokok native yang ditanam di kawasan negeri Kelantan.





# PROGRAM BENGKEL BASIC TOTURIAL FOR USING DIGITAL SOFWARE- SketchesUP

Pada 4 Januari 2024, telah diadakan Bengkel Basic Tutorial for Using Digital Software SketchUp di Studio 3, Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada semua pelajar jabatan senibina dalaman mengenai penggunaan asas perisian SketchUp dalam bidang reka bentuk.

Bengkel tersebut berlangsung dari jam 2:30 petang hingga 5:00 petang yang melibatkan 40 orang pelajar dari pelbagai semester yang mempunyai minat dalam aplikasi perisian SketchesUP.

Seorang panel jemputan En. Ismi Luqman Hamadi Bin Ibrahim, yang merupakan seorang pakar dalam bidang SketchUp, juga dijemput untuk menyertai bengkel ini.




Bengkel ini memberikan peluang kepada peserta untuk mempelajari asas penggunaan SketchUp dan meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan perisian tersebut. Dengan pengetahuan yang diperoleh, diharapkan peserta dapat mengaplikasikan SketchUp dalam projek-projek reka bentuk mereka.





# PROGRAM BENGKEL BASIC TOTURIAL FOR USING DIGITAL SOFWARE- AUTOCAD



Pada 10 Januari 2024, telah diadakan Bengkel Basic Tutorial for Using Digital Software - AutoCAD di Kompleks Akademik, UMK Bachok. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada semua pelajar jabatan senibina dalaman tentang penggunaan asas perisian AutoCAD dalam bidang reka bentuk.

Seorang panel jemputan En. Mohammed Fadzli Bin Maharimi, yang merupakan seorang pakar dalam bidang AutoCAD adalah dijemput untuk menyertai bengkel ini.

Bengkel tersebut berlangsung dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang yang melibatkan 40 orang pelajar dari pelbagai semester yang mempunyai minat dalam aplikasi perisian AutoCAD.

Bengkel ini memberikan peluang kepada peserta untuk mempelajari asas penggunaan AutoCAD dan meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan perisian tersebut. Dengan pengetahuan yang diperoleh, diharapkan peserta dapat mengaplikasikan AutoCAD dalam projek-projek reka bentuk mereka.





# PROGRAM LAWATAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024 PROGRAM SGD

Pada 12 Januari hingga 4 Februari 2024, telah diadakan Program Lawatan Penilaian Latihan Industri Semester September 2023/2024 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian bersama pelajar jabatan secara dalam talian.





Program ini bertujuan untuk menilai pelajar semasa di industri berdasarkan pencapaian dalam menjalankan tugasan-tugasan latihan industri, kemahiran berkomunikasi, kerjasama dalam kumpulan, inisiatif dan kesesuaian dengan persekitaran kerja.

Lawatan ini melibatkan seramai 26 orang pelajar dari semester 7 dan semua pensyarah jabatan. Program ini telah membawa manfaat yang besar kepada pelajar-pelajar dalam bidang Senibina Dalaman seperti pengalaman praktikal yang berharga dan meningkatkan kemahiran pelajar dalam persiapan untuk melaksanakan projek tahun akhir semester 8 serta memasuki pasaran kerja.



# PROGRAM BENGKEL BASIC TUTORIAL FOR USING DIGITAL SOFTWARE - ADOBE PHOTOSHOP




Pada 7 Januari 2024, telah diadakan Bengkel Basic Tutorial for Using Digital Software- Adobe Photoshop di Studio 3, Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada semua pelajar jabatan senibina dalaman mengenai penggunaan asas perisian Adobe Photoshop dalam bidang rekaan grafik dan reka bentuk.

Bengkel tersebut berlangsung dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang yang melibatkan 40 orang pelajar dari pelbagai semester yang mempunyai minat dalam aplikasi perisian Adobe Photoshop. Dua orang panel jemputan En. Mohd Azri Bin Mohd Jain Noordin dan Cik Salmiah Binti Aziz, yang merupakan pakar dalam bidang Adobe Photoshop dijemput untuk menyertai bengkel ini.

Bengkel ini memberikan peluang kepada peserta untuk mempelajari asas penggunaan Adobe Photoshop dan meningkatkan kemahiran mereka dalam menggunakan perisian tersebut dalam rekaan grafik dan reka bentuk.

Dengan pengetahuan yang diperoleh, diharapkan peserta dapat mengaplikasikan Adobe Photoshop dalam projek-projek rekaan grafik dan reka bentuk mereka. Di akhir sesi, satu pertandingan mengaplikasi pembelajaran Adobe Photoshop diadakan.












# PROGRAM PENILAIAN PROGRAM SULAM STUDIO SEMESTER 3 SEPTEMBER 2023/2024 PROGRAM SGD







## FSE

Pada 18 Februari 2024, telah berlangsung Program Penilaian Program SULAM Studio Semester 3 Sesi September 2023/2024 2022/2023 Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian di Fakulti Senibina dan Ekistik, UMK Bachok.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan input kepada pelajar mengenai rekabentuk senibina dalaman dari panel jemputan yang terdiri daripada profesional industri yang berpengalaman.

Program tersebut berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 2.30 petang yang melibatkan panel jemputan pemilik Restoran Singgora Kota Bharu iaitu En. Mohamad Salleh dan pemilik Restoran Anjung Rebana Kota Bharu, En. Jasman Mohd Zain, semua pelajar studio semester tiga dan semua pensyarah jabatan. Program ini memberikan pandangan panel perkongsian dan input tentang perkembangan terkini dalam rekabentuk senibina dalaman serta memberikan motivasi kepada pelajar untuk menjadi perekabentuk senibina dalaman yang berjaya. Program ini juga bertujuan untuk memupuk minat yang lebih mendalam terhadap bidang senibina dalaman di kalangan pelajar.

Di akhir program, seramai enam orang pelajar dinobatkan sebagai projek reka bentuk restoran terbaik diberi peluang untuk menjamu selera di Restoran Singgora. Senarai pemenang dari pelajar jabatan Senibina Dalaman adalah Ahmad Amir Aiman Bin Zamri, Nor Hani Najiha Binti Amiza, Lavanya Devi Subramaniam, Nur Qurratu Ain Binti Zainuddin, Siti Nurul Widad Binti Siapudin dan Siti Nurnashrul Azira Binti Maryuni





FSE

# PENERIMA ANUGERAH PEMBENTANG TERBAIK DI 1st INTERNATIONAL POSTGRADUATE CONFERENCE OF HERITAGE CONSERVATION AND SUSTAINABLE MANAGEMENT 2024 (IPCHCSM2024)




Pada 28 Februari 2024, telah diadakan Program 1st International Postgraduate Conference of Heritage Conservation and Sustainable Management 2024 (IPCHCSM2024) di College of Built Environment (CBE), Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam Campus, Selangor, Malaysia.

Siri persidangan pertama ini tertumpu terutamanya pada penyelidikan Pemuliharaan Warisan dan Pengurusan Lestari dalam persekitaran binaan. Di akhir pesidangan ini, Puan Noorul Huda Binti Mohd Razali telah menerima anugerah dari ahli jabatan Senibina Dalaman.



# UMK BANTU TERAPI KANAK-KANAK AUTISME






Pada 16 Januari 2024, sekumpulan penyelidik dari Marginalised Communitites Research Group (MCRG), FBI telah mengadakan Program Keusahawanan Usahatistik dan Pelepasan Arnab yang berlangsung di Kelantan Autism Care Centre (KACC) Kota Bharu.

Program tersebut melibatkan sekumpulan pelajar tahun dua daripada Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan Sukarelawan Kelab Penyayang UMK. Antara pengisian program yang telah dilaksanakan adalah sesi bermain dengan arnab dan aktiviti keusahawanan.

Program ini diadakan merupakan salah satu usaha dari pihak MCRG untuk memahami dan menyokong kanak-kanak autism dengan menggunakan kaedah terapi haiwan dan pengdayaupaan terhadap golongan kanak-kanak tersebut.

# KAJIAN TAPAK BAGI PELAJAR TAHUN 2 KE JALAN GUNONG, BACHOK , KELANTAN



Lawatan kajian dan analisa tapak yang disertai oleh pelajar tahun 2 telah diadakan pada 20 dan 24 Mac 2024 di Surau Bukit Chenda Gunong, Bachok. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada keperluan pembelajaran Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina bagi mendedahkan pelajar kepada keadaan tapak yang sebenar sebelum memulakan proses rekabentuk sesebuah bangunan.

Program ini bertujuan mengenalpasti dan mengumpul maklumat tentang tapak cadangan seperti lokasi tapak, saiz, topografi, kedudukan utiliti, fasiliti dan sebagainya. Program ini mendedahkan kepada pelajar tentang kepentingan kelestarian alam sekitar dalam proses reka bentuk dan pembinaan serta membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari secara teori ke dalam persekitaran sebenar melalui proses analisa tapak.

Selain itu, aktiviti yang dijalankan juga menggalakkan daya kreativiti dan inovasi dengan mendorong pelajar untuk mendapatkan inspirasi dari persekitaran fizikal dan budaya di tapak dan kawasan sekitarnya.







# PEMBENTANGAN PROJEK PELAJAR TAHUN 1 - MICRO-ARCHITECTURE IN CAMPUS REALM



Pada 5 Februari 2024 telah diadakan pembentangan projek pelajar tahun satu bertemakan “Micro-Architecture In Campus Realm”. Projek ini memberi peluang unik kepada pelajar senibina tahun satu untuk mereka bentuk dan membina struktur tempat duduk di sekitar kampus UMK.

Objektif projek ini adalah untuk mengintegrasikan kaedah pembinaan tanggam dalam reka bentuk struktur tempat duduk yang inovatif untuk kampus UMK, mengaplikasikan pengetahuan prinsip reka bentuk secara teori untuk diperlihatkan melalui elemen pembinaan tradisional yang terdapat dalam penyambungan tanggam.





Dengan memfokuskan penggunaan kaedah pembinaan tanggam—suatu teknik tradisional Melayu yang terkenal dengan kekuatan dan kelenturannya—pelajar akan memperkembangkan kemahiran reka bentuk praktikal di samping menyumbang kepada penambahbaikan persekitaran kampus. Dalam projek ini, pelajar digalakkan untuk meneroka potensi kreatif penyambungan tanggam, menggabungkan pendekatan inovatif dengan penghargaan terhadap nilai warisan pembinaan tradisional.



# AKTIVITI SULAM BERSAMA NGO BACHOK

Studio SGA semester 4 tahun 2 telah mengadakan program khidmat masyarakat bersama NGO Bachok pada 20 Mac 2024 bagi kerja-kerja pembersihan di Surau Kampung Bukit Chenda Gunong, Bachok pada bulan Ramadhan. Pendedahan ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada para pelajar untuk melakukan kerja-kerja amal selain dapat mempelajari mengenai lokasi tapak yang merupakan tapak bagi Projek 1 Studio tersebut.















# KULIAH BERSEMUKA PELAJAR SARJANA KOMUNIKASI PERNIAGAAN FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Kuliah Bersemuka Pelajar Sarjana Komunikasi Perniagaan Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan atau MBC Face-to-Face Class 2024 merupakan aktiviti setiap semester bagi pelajar Sarjana Komunikasi Perbiagaan (Master of Business Communication- MBC). Antara mata Pelajaran terlibat adalah  Research Methodology, Entrepreneurial Leadership, Contemporary Professional Writing, Digital Media Writing in Business Landscape, Professional Business Communication dan Arts of Business Negotiation.

Kelas secara fizikal telah berlangsung bermula 12 sehingga 13 Januari 2024 yang disertai oleh 10 orang pelajar MBC dan kesemua pelajar dari ITBM di UMK Bachok. Pelbagai Aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah telah berlaku.








# RESENSI BUKU

Resensi Buku telah berlangsung dengan jayanya pada 6 Februari 2024 di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI. Ulasan buku pertama adalah bertajuk, “Kerugian Dunia Akibat Kemunduran Umat Islam Penulis : Abu al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadwi”.



Buku ini ditulis sebagai satu cabaran kepada pemimpin-pemimpin Arab supaya melakukan sesuatu gerakan untuk mengembalikan semula kegemilangan umat Islam. Penyakit utama umat Islam adalah kemunduran ilmu dan kecacatan pemikiran dalam kalangan umat Islam.



Antara indikator utama fenomena tersebut ialah rujukan utama umat Islam kini bersumber dari Barat yang diterima bulat-bulat tanpa penilaian kritikal. Solusi yang ditawarkan oleh penulis adalah kemerdekaan sistem pengajian dan kepimpinan keilmuan. Pembentang telah menggariskan tiga langkah untuk mengatasi perkara tersebut antaranya pemikiran yang mendalam, gerakan pembukuan dan penulisan semula secara komprehensif serta penilaian mendalam dan kritikal terhadap ilmu-ilmu moden dan memasukkan roh Islam beserta dengan usul dan kaedah yang mantap.



Manakala, bagi ulasan buku kedua berkisarkan “Pemikiran Tasawuf Dalam Politik Islam yang ditulis oleh Dr. Abdul Rahman Abdullah.

Pembentang menggunakan kaedah untuk menghuraikan buku dengan mengulas berdasarkan bab secara berurutan. Buku tersebut mengandungi tujuh bab. Antara bab yang paling menarik ialah Bab 5; Penyelesaian Konflik Politik Menurut Manhaj Sufi. Penulis mengemukakan 18 kaedah berserta huraian. Kaedah-kaedah yang sesuai untuk dikongsi dengan masyarakat adalah adab ikhtilaf dan tasamuh sebagai asas menghadapi konflik, polemik negara Islam perkara khilafiyyah, diri individu sebagai asas pemerintahan yang baik serta ketaksuban dalam Islam hierarki.



Program Resense Akademik akan menyumbang kepada kepentingan pemikiran yang mendalam dan menyeluruh tentang sesuatu isu atau fenomena ummah dalam kalangan ahli akademik. Selain itu, setiap individu muslim perlu menyusun semula diri dan keluarga (pemikiran, nilai dan hala tuju kehidupan) supaya bersambungan dengan pembangunan ummah. Semua muslim khususnya ahli politik perlu menghubungkan diri dengan aspek tasawuf khususnya dalam dunia politik tanah air untuk membina masyarakat yang lebih baik dan harmoni.

# SESI RAMAH MESRA PROF. ADUNG YBHG. DATUK SAYUTI MUKHTAR BERSAMA PELAJAR FBI



Sesi Ramah Mesra Professor Adjung YBhg. Datuk Sayuti Mukhtar merupakan sebuah program perkongsian dua hala antara Professor Adjung bersama bersama pelajar Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI). Sesi ramah mesra telah diadakan di Auditorium KA02ADT, Kompleks Akademik, UMK Bachok. Program dibawah pengelolaan Jabatan Pembangunan Insan (JPI) telah dihadiri oleh lebih 20 orang pelajar FBI beserta wakil pelajar.

Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBrs. Dr. Marwan Bin Ismail selaku Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Insan) dan juga para pensyarah. Hebahan program (poster) telah dibuat kepada pensyarah dan kepada pelajar melalui wakil pelajar yang dilantik.






Program ini berjaya mengetengahkan beberapa aspek penting dalam membina sahsiah dan pembangunan kendiri pelajar seperti: (1) memberi peluang kepada pelajar prasiswazah untuk menimba input bermanfaat; (2) memberi pendedahan mengenai pengurusan diri sebagai pelajar prasiswazah; peletakkan diri dalam masyarakat; (3) memberi pendedahan tentang komunikasi berkesan terutamanya dalam meningkatkan keyakinan diri; (4) meningkatkan kesedaran pelajar dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kaitannya dengan isu-isu semasa; (5) memberi pendedahan tentang peluang dan cabaran pekerjaan dalam industri penyiaran dan pekerjaan serta membina ukhuwwah antara pelajar dan Professor Adjung YBhg. Datuk Sayuti Mukhtar.

Sehubungan itu, program ini dijalankan secara berkala untuk memastikan pelajar bersiap siaga menempuh alam pekerjaan melalui perkongsian daripada Professor Adjung.





# KUNJUNGAN LALOR VITYA SCHOOL, PATTANI

Kunjungan Lalor Vitya School, Pattani telah diadakan pada 4 Mac 2024 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI. Kunjungan ini diharapkan dapat memperkenalkan program AWE dan BCE, FBI kepada pelajar, memaksimum dan mengetengahkan kepakaran staf FBI dalam bidang Bahasa Inggeris dan komunikasi dalam aktiviti yang dijalankan selepas sesi briefing tentang program yang ditawarkan di FBI.

Selain itu, kunjungan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan tambahan kepada pelajar melalui aktiviti bahasa Inggeris yang lebih santai dan menyeronokkan dan meningkatkan keyakinan diri para peserta melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan






# KUNJUNGAN CITRA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA KE FBI UMK







Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) telah mengadakan program Kunjungan Citra UKM ke FBI UMK pada 23 Januari 2024 di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI. FBI telah berbesar hati menerima kunjungan wakil daripada Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Dr. Afifuddin Husairi Mat Jusoh @ Hussain (Timbalan Dekan Akademik) dan juga Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan).

Tujuan kunjungan ini adalah bagi berkongsi pengalaman mereka di Pusat Pengajian Citra Universiti (Citra UKM) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Umum di UKM. Citra UKM kini telah berusia satu dekad dan tentunya telah mempunyai banyak pengalaman di dalam mengendalikan program yang bersifat pengajian liberal, iaitu para pelajar diberi kebebasan untuk memilih bidang pengkhususan yang diminati.

Perjumpaan ini merupakan sebuah inisiatif Pasukan Task Force Pembangunan Pusat Pengajian Umum (TF PPPU) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK. Perbincangan ini amat bermanfaat bagi memahami kebaikan, kekuatan dan kelemahan setiap keputusan yang bakal dibuat untuk menaik taraf Pusat Pengajian Umum di masa hadapan. Perjumpaan ini turut dihadiri oleh Dekan FBI, Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani dan melibatkan ahli pasukan TF PPPU.

FBI





# ENGAGE AND INFLUENCE: LANGUAGE FOR SELF-MOTIVATION & IMPACTFUL COMMUNICATION








Pengarah Penerbit UMT



Pejabat Pendaftar UNISZA


Pejabat Menteri Besar Terengganu


SUK Negeri Terengganu

## LAWATAN KE AGENSI-AGENSI PENDIDIKAN, PELANCONGAN DAN INDUSTRI DI TERENGGANU

## PERJUMPAAN UNIT PROMOSI ITBM BERSAMA DEKAN-DEKAN FAKULTI UMK



















UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
SELAMAT DATANG
FKP


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
FACULTY OF HOSPITALITY, TOURISM & WELLNESS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
ACEEU
FHPK

A Knowledge Valley where
ENTREPRENEURIAL
MINDS
meet, innovate and create




TERBITAN
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

www.hea.umk.edu.my dcvai@umk.edu.my Pejabat TNCAA UMK